

BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU: SATU TINJAUAN DI
KALANGAN BAKAL GURU DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN
IDRIS

DELIMAH BINTI MARADAN @ JUSTIN
20001-05021

SEBUAH LATIHAN ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN
IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN PENGAJIAN BAHASA
MELAYU UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU: SATU TINJAUAN
DI KALANGAN BAKAL GURU DI UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

DELIMAH BINTI MARADAN @ JUSTIN

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
MAC 2003**

PENGHARGAAN

Bersyukur saya kepada Tuhan kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, dapat saya menyiapkan kajian ini mengikut jangka masa yang telah ditetapkan.

Sekalung budi dan penghargaan yang tidak terhingga dirakamkan kepada pensyarah dan penyelia, Cik. Husna Faredza Bt. Mohamed. Redzwan yang banyak memberikan panduan, saranan,nasihat, bimbingan, tunjuk ajar, motivasi dan kritikan yang membina sehingga memungkinkan penghasilan kajian ilmiah ini dengan sempurna.

Ucapan terima kasih kepada para pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mengikuti program pengajian Bahasa Melayu, Program Pendidikan Seni, Program Pendidikan Sains, Program Perniagaan dan Program Kesusastraan Melayu semester akhir sesi tahun 2002-2003 atas kerjasama yang telah diberikan.

Tidak lupa juga buat rakan seperjuangan di Universiti Pendidikan Sultan Idris, terutama sekali Elsy Henry Ahguk, Florence Gaung, Henry Jini dan Shaemas A/P Mat. Dorongan serta bantuan yang telah disemai akan mendapat ganjaran yang setimpal daripada-Nya.

Sejambak penghargaan buat semua pensyarah, kakitangan serta warga Fakulti Bahasa di Universiti Pendidikan Sultan Idris yang tidak pernah jemu menghulurkan bantuan dan dedikasi. Sesungguhnya komitmen yang telah dicurahkan itu telah membawa saya ke puncak kejayaan.

Akhir sekali, buat kedua-dua ibu bapa dan keluarga tersayang. Sesungguhnya doa serta harapan yang dicurahkan tidak akan disia-siakan. Semoga Tuhan merahmati semuanya.

Sekian, terima kasih.

Delimah Bt. Maradan @ Justin
Fakulti Bahasa
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Sesi 2000/2003

PERKARA	HALAMAN
JUDUL	
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI SINGKATAN	viii
BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Tujuan Kajian	10
1.4 Hipotesis Kajian	11
1.5 Kepentingan Kajian	11
1.6 Batasan Kajian	13
1.7 Definisi Istilah	14
1.7.1 Bahasa	
1.7.2 Bahasa Melayu	
1.7.3 Ilmu	
1.7.4 Bahasa Ilmu	
BAB II TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	18
2.2 Literatur Berkaitan	20
2.3 Kajian Berkaitan	27

BAB III KAEDAH KAJIAN

3.1	Pengenalan	33
3.2	R	
3.1	Pengenalan	33
3.2	Ropulasi dan Sampel Kajian	34
3.4	Alat Kajian	35
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	35
3.6	Prosedur Penganalisisan Data	36

BAB IV KEPUTUSAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	37
4.2	Perihalan Sampel	37
4.3	Dapatan Kajian	38
4.4	Pengujian Hipotesis	67

BAB V RUMUSAN

5.1	Kesimpulan	71
5.2	Perbincangan	72
5.2.1	Jantina Sampel	
5.2.2	Bahasa Utama	
5.2.3	Kefahaman tentang Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu	
5.2.4	Sikap terhadap Kepentingan Bahasa Melayu	
5.2.5	Kelebihan Penggunaan Bahasa Melayu	
5.2.6	Faktor-faktor Mempengaruhi Keupayaan Bahasa Melayu	
5.3	Implikasi Kajian	77
5.4	Cadangan Kajian Lanjut	78
5.5	Cadangan	79

SENARAI RUJUKAN

LAMPIRAN

Lampiran A: Borang Soal Selidik

Lampiran B: Data Statistik

Lampiran C: Surat Pengesahan



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 TANJONG MALIM PERAK

PENGAKUAN

Bahawasanya saya mengaku sesungguhnya tesis ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya catatkan sumbernya.

15 Mac 2003

DELIMAH BT. MARADAN @ JUSTIN
No. Pend. 20001-05021

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
1	Jumlah Judul baru yang Dicadangkan Mengikut Bidang	22
2	Taburan Responden dari Aspek Jantina	38
3	Taburan Responden Mengikut Program	39
4	Taburan Kelayakan di UPSI	40
5	Keputusan Bahasa Melayu yang Diperoleh oleh Responden Dalam Peperiksaan SPM / STPM	41
6	Taburan Responden Mengikut Bangsa	42
7	Kekerapan dan Peratusan Bahasa yang Digunakan oleh Responden	43
8	Kefahaman Pelajar tentang Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu	44
9	Perspektif Responden tentang Ciri-ciri Bahasa ilmu	46
10	Bahasa yang telah Mencapai Taraf Bahasa Ilmu	48
11	Persetujuan Responden tentang Ciri-ciri Bahasa Ilmu	49
12	Sikap Pelajar tentang Fungsi Bahasa Melayu	50
13	Persetujuan Pelajar tentang Fungsi Bahasa Melayu	51
14	Persetujuan Pelajar tentang Taraf Bahasa Melayu	52
15	Persetujuan Pelajar untuk Menguasai Bahasa Melayu	53
16	Respons Pelajar tentang Penguasaan Bahasa Melayu	54
17	Persaingan Bahasa Melayu dalam Bidang Ilmu Lain	55

18	Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Pengajaran Sains dan Matematik	56
19	Kelebihan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pendidikan	57
20	Bahasa yang Sesuai untuk Program Pendidikan Sains	59
21	Bahasa yang Sesuai untuk Program Pendidikan Seni	60
22	Bahasa yang Sesuai untuk Program Pendidikan Bahasa Melayu	61
23	Bahasa yang Sesuai untuk Program Pendidikan Kesusastraan Melayu	62
24	Bahasa yang Sesuai untuk Program Pendidikan Perniagaan	63
25	Usaha untuk Memartabatkan Bahasa Melayu	64
26	Faktor-faktor Mempengaruhi Keupayaan Bahasa Melayu	65
27	Pengujian Hipotesis 1	68
28	Pengujian Hipotesis 2	69
29	Pengujian Hipotesis 3	70

SENARAI SINGKATAN

UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
PKPG	Program Khas Pengijazahan Guru
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
PBB	Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu
MPSI	Maktab Perguruan Sultan Idris
ASEAN	Association of South East Asian Nation
SPSS	Statistical Packages for Science Social
H _a	Hipotesis Alternatif
H _o	Hipotesis Kosong

ABSTRAK

Kajian ini memperlihatkan keupayaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu menurut persepsi bakal guru di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau sejauh mana kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di kalangan bakal guru. Kajian ini juga dibuat untuk mengetahui tahap kefahaman pelajar tentang ciri-ciri serta faktor-faktor yang mempengaruhi keupayaan Bahasa Melayu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ketiga-tiga tujuan tersebut dijawab dengan menganalisis data yang diperoleh daripada borang soal selidik. Kajian ini difokuskan kepada pelajar yang berada pada akhir tahun pengajian di UPSI. Seramai 50 orang pelajar telah dipilih sebagai responden dalam lima program yang berbeza. Pemilihan sampel ini dilakukan berdasarkan persampelan rawak mudah. Sampel yang terpilih ini terdiri daripada 20 orang pelajar lelaki dan 30 orang pelajar perempuan. Kajian ini juga dilakukan dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah soal selidik. Huraian keputusan kajian ini pada keseluruhannya dibuat secara statistik deskriptif dengan cara mengira kekerapan dan peratusan. Hasil kajian menunjukkan bahawa latar belakang responden menjadi faktor yang dominan terhadap sikap, persepsi dan pemahaman pelajar terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Berdasarkan data tersebut didapati bahawa responden menunjukkan sikap yang positif terhadap Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu iaitu 72.0% daripada 50 orang responden dari lima program yang berbeza dan 28.0% lagi melihat bahasa Inggeris itu sebagai bahasa yang sesuai untuk menyampaikan ilmu untuk kursus yang diikuti. Kesemua data ini diperoleh daripada soal selidik. Secara keseluruhannya, sikap dan persepsi pelajar terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu adalah positif walaupun bahasa tersebut menghadapi persaingan dengan bahasa-bahasa lain dalam konteks keilmuan masa kini.

ABSTRACT

This research showed the potential of Bahasa Melayu as a language of knowledge based on the perceptions of undergraduate students' in Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). The purpose of this research is to see the potential of Bahasa Melayu as a language of knowledge among future teachers. This research was done to elicit students' understanding of characteristics and factors, which influenced the potentiality of Bahasa Melayu in the teaching and learning process. All the research question were answered through data analysis, which were gathered from questionnaires. This study was focused to the students who are in their final year in UPSI. The study comprised 50 students' as respondents and they came from five different courses. The respondents were chosen randomly. In this selected sample, there are 20 male and 30 female students. This study utilized library research and questionnaires. Overall, the results of this research was done statistically descriptive through the calculation of frequency and percentage. The result of the research showed that respondents' background are dominant as the factor towards attitude, perception and students understanding towards Bahasa Melayu as language of knowledge. From the data gathered the respondents' showed positive attitudes towards Bahasa Melayu as language of knowledge where 72.0% of 50 respondents' from 5 different programs and 28% perceived English language as the suitable language to convey the knowledge for programme that they took. All the data were gathered from the questionnaires. Overall students' attitudes and perceptions towards Bahasa Melayu as language of knowledge are positive even though the language are facing competition from other languages in todays' knowledge contexts.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sebuah bahasa yang menjadi teras maruah bangsa mempunyai ciri-ciri intrinsik dan ekstrinsik yang mantap. Ciri-ciri intrinsiknya ialah mempunyai unsur-unsur fizikal, mampu melaksanakan fungsi tinggi, menjadi wahana pemikiran tinggi dan mengandungi ilmu tinggi dan kompleks (Abdullah Hassan, 1997: 3).

Menurut Simanjuntak (1995) secara ekstrinsik, Bahasa Melayu mempunyai ciri-ciri fizikal yang sempurna kerana ia sudah mempunyai sistem ejaan, sebutan, nahu, kamus, ensiklopedia dan rujukan. Sebenarnya pakar bahasa sudah lama mengatakan bahawa bahasa Melayu itu sudah lama menjadi bahasa ilmu, bahasa intelektual, bahasa sastera di peringkat nasional bahkan bahasa supranasional (Abdullah Hassan, 1997:3).

Bahasa ilmu di sini dilihat sebagai satu bahasa yang tinggi. Dalam konteks bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu itu merujuk kepada bahasa yang boleh menyampaikan pelbagai ilmu bukan sahaja dalam konteks pendidikan Bahasa Melayu tetapi juga dalam bidang lain seperti bidang perubatan, undang-undang, ekonomi, kejuruteraan, pertanian, ilmu sains dan komputer. Mengikut pendapat Awang Sariyan, bahasa Melayu tinggi itu ada hubungannya dengan budaya tinggi. Budaya tinggi pula merupakan budaya ilmu, pemikiran dan teknologi. Beliau memperkatakan lagi bahawa bahasa Melayu tinggi ialah ragam bahasa Melayu yang digunakan untuk pembinaan dan pengembangan ilmu, pemikiran dan teknologi (Darwis Harahap, 1989: 68).

Melihat dari sudut perkembangan bahasa Melayu dalam dunia pendidikan, sememangnya telah dibuktikan bahawa bahasa tersebut telah menjadi wahana mengungkapkan ilmu tinggi seperti falsafah, sains, seni dan sastera. Sebelum tahun 1955 bahasa Melayu digunakan di sekolah rendah dan di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI). Manakala bahasa Melayu diperkenalkan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pula pada tahun 1983 serentak itu juga penyempurnaan telah dilakukan dalam pengajaran bahasa Melayu. Berdasarkan premis bahawa, bahasa adalah alat pemikiran dan komunikasi manusia yang tidak ada hadnya, maka setiap bahasa mempunyai kemungkinan untuk menjadi bahasa ilmu, walau setakat mana tinggi sekalipun ilmu itu.

Sejarah membuktikan bahawa sejak zaman silam lagi bahasa Melayu sudahpun berperanan sebagai media penyebaran persuratan ilmu falsafah yang tinggi di Nusantara. Pusat-pusat kegiatan intelektual persuratan dan falsafah dalam Bahasa Melayu pada waktu

itu, termasuklah Pasai, Melaka, Aceh, Patani, Palembang, Banjar, Bentan dan Riau. Bidang ilmu yang dihasilkan berpusat pada ilmu undang-undang Islam, ilmu ketuhanan, kerohanian, ilmu bintang, cekerawala, kemasyarakatan, bahasa dan sastera (Abdul Hamid Mahmood, 2000: 176).

Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1956, berperanan penting dalam mengembangkan bahasa Melayu dengan membuat penterjemahan, penggubalan istilah, menganjurkan seminar bahasa dan penulisan. Selain itu, Laporan Penyata Razak (1956), Penyata Rahman Talib (1960) dan Kabinet (1985), telah memberikan peranan besar dalam sistem pendidikan negara. Berikutan itu, bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di sekolah. Pada tahun 1970 memperlihatkan satu pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa utama apabila Universiti Kebangsaan Malaysia menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pendidikan tinggi. Situasi ini, adalah prasarana untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu (Mohd. Mansor Hj. Salleh, 2000: 11).

Andi Hakim Nasoetion dalam buku (Di Sekitar Persoalan Bahasa Melayu, 1993: 300) Mengatakan penguasaan dan pengembangan ilmu pengetahuan dapat dicapai dengan menguasai selok-belok bahasa yang akan digunakan sebagai alat komunikasi. Betapa pun taraf ilmu yang hendak dikomunikasikan, bahasa pengantarnya harus mampu mengemukakan setiap pengertian tentang ilmu itu tanpa menimbulkan pelbagai tafsiran.

Dalam era globalisasi, masyarakat harus menyedari dan prihatin dengan perubahan semasa khususnya dari sudut bahasa. Ini penting supaya bahasa Melayu terus terpelihara

daripada hanyut dengan ledakan teknologi maklumat yang banyak dimonopoli dalam bahasa asing (Teo Kok Seong, 2001: 14), berpendapat bahawa penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa teknologi maklumat dan komunikasi yang wujud kini mengambil beberapa bentuk. Salah satu daripadanya ialah penggubalan istilah bahasa Melayu untuk mengungkapkan konsep dan gagasan tertentu dalam kedua-dua teknologi ini.

Dalam proses mencapai cita-cita menjadikan negara sebagai pusat kecemerlangan pendidikan Serantau, usaha yang pesat telah dilaksanakan dengan mendirikan Institusi Pendidikan Swasta, tetapi apa yang dapat dilihat ialah pelaksanaan amat kurang dalam memberikan tempat kepada peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Gagasan Agenda Ilmu Malaysia mula-mula dikemukakan oleh Profesor Dr. Shahrir Mohd. Zain, beliau mendefinisikan ilmu Malaysia sebagai ilmu yang berdasarkan sumber-sumber tempatan, bagi memenuhi keperluan-keperluan tempatan dan dengan mengambil kira isu-isu kritikal tempatan. Seterusnya beliau mengemukakan langkah-langkah yang diperlukan untuk membolehkan terciptanya ilmu Malaysia yang berdasarkan acuan tempatan. Beliau mencadangkan supaya Malaysia mengeluarkan kumpulan saintis besar yang dilatih dengan menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu (Abdullah Hassan, 1993:104).

Ilmu pengetahuan wujud dalam apa-apa juga bahasa. Oleh sebab itu, masyarakat kita kurang berkemahiran dalam bahasa asing, keupayaannya untuk menguasai ilmu dan mencipta ilmu terhad. Dengan demikian beberapa langkah yang dapat mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu perlu diambil. Antaranya termasuklah:

1. Masyarakat kita harus berkemahiran dalam bahasa lain atau sekurang-kurangnya perlu menguasai dua bahasa.
2. Penjanaan ilmu pengetahuan bertahap tinggi dalam bahasa Melayu perlu diberi penekanan yang lebih. Sehubungan dengan ini, bidang ilmu yang perlu diceburi harus dikenal pasti.
3. Penglibatan agensi bukan kerajaan dalam kegiatan pengembangan bahasa Melayu perlu ditingkatkan.
4. Dewan Bahasa dan Pustaka dan agensi yang berkaitan perlu mempertimbangkan fungsinya untuk membantu kerajaan mencapai kekonomi dan seterusnya menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa bagi segala bentuk ilmu.
5. Kecenderungan untuk mendapatkan ilmu dan mencipta ilmu perlu dipupuk dalam budaya masyarakat kita.

Tegasnya bahawa jumlah penutur tidak menjadi ukuran kuat atau lemahnya suatu bahasa. Sejarah telah membuktikan bahawa kekuahan ekonomi sesebuah masyarakat dapat menentukan kedudukan dan kekuatan bahasanya (Norrizzan Razali, 2001: 11).

1.2 Pernyataan Masalah

Apabila perancangan Bahasa Melayu dihubungkan dengan pembinaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, kita tidak harus membuat kesimpulan bahawa bahasa Melayu belum mencapai tahap bahasa ilmu. Sebenarnya bahasa Melayu yang diwarisi sekarang

merupakan lanjutan bahasa Melayu yang mempunyai sejarah yang panjang dan gemilang (Awang Sariyan, 1995: 50).

Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang dimaksudkan di sini ialah peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan atau sebagai alat menyampaikan ilmu pengetahuan moden (Abdul Hamid Mahmood 2000: 175). Jika dilihat dari sudut pendidikan hari ini, penggunaan bahasa Melayu memperlihatkan satu cabaran baru dalam konteks penyampaian ilmu yang lebih berkesan. Permasalahannya ialah sikap guru yang semata-mata hanya menyampaikan dalam bahasa Melayu tanpa menanamkan kesedaran dan memupuk kepentingan bahasa itu dari sudut lain.

Proses pemupukan bahasa Melayu memang sukar dilaksanakan. Mengikut (Awang Sariyan, 2001:45), budaya berbahasa Melayu sebagai tanda jati diri kian tercabar dan beransur-ansur terhakis apabila timbul kepercayaan bahawa dengan bahasa Melayu masyarakat kita akan lambat maju kerana globalisasi yang melanda dan tidak dapat disekat.

Persepsi pemimpin terhadap faktor yang membangunkan ekonomi Malaysia akan mencorakkan usaha kita. Apabila persepsi pemimpin mengatakan bahawa Bahasa Inggeris membawa kemajuan, maka masyarakat harus mempelajari bahasa Inggeris. Keyakinan dan keteguhan pendirian para pemimpin yang menegakkan kedaulatan Bahasa Melayu tercabar dan teruji. Kerajaan hari ini mengambil keputusan membenarkan penggunaan bahasa Inggeris di Institusi Pengajian Tinggi bagi tujuan meningkatkan ilmu dalam bidang Sains

dan Teknologi. Langkah ini perlu bagi memastikan pencapaian dalam pelbagai bidang dalam proses menjayakan negara (Mingguan Malaysia, 7 Mei 1995).

Kenyataan itu turut memperlihatkan ketidakyakinan terhadap kemampuan Bahasa Melayu menjadi bahasa penghantar ilmu dalam bidang Sains dan Teknologi. Dengan kata lain, kesangsian telah timbul terhadap kemampuan bahasa Melayu itu sendiri. Menurut Nik Safiah (1990: 29), dalam konsep bahasa merentas kurikulum, pengajaran bahasa Melayu tidak lagi menjadi keutamaan guru mata pelajaran Bahasa Melayu semata-mata tetapi sebaliknya adalah tanggungjawab guru-guru mata pelajaran yang lain. Dengan kata lain, guru mata pelajaran Sains, Matematik, Sejarah dan Geografi juga guru mata pelajaran lain harus tahu tentang selok-belok bahasa Melayu pada tahap yang sama seperti guru bahasa Melayu.

Hal tersebut nyata kerana, sewaktu mengajarkan ilmu masing-masing, guru harus peka terhadap penggunaan bahasa pelajar. Mereka harus bertanggungjawab bagi menentukan bahawa para pelajar dapat menguasai bahasa Melayu dengan betul dan bahawa mereka berupaya mengungkapkan ilmu yang dipelajari itu melalui bahasa yang betul dan berkesan. Berikutan itu juga, memperlihatkan bahawa taraf sesuatu bahasa itu terletak pada penggunanya. Peranan guru dalam menyampaikan ilmu mampu meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu kerana memberi kesan terhadap pelajaran untuk memahami sesuatu ilmu yang disampaikan.

Jika sekiranya guru gagal memainkan peranan ini menyebabkan segelintir pelajar kurang yakin dengan bahasa sendiri untuk diiktiraf sebagai bahasa ilmu. Kesannya mereka tidak tahu bagaimana bentuk atau rupa yang dikatakan sebagai bahasa ilmu. Atas kelemahan ini, maka kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan semakin dipinggirkan. Gagasan bahasa merentas kurikulum yang hanya dislogangkan dan diperkatakan tetapi tidak dilaksanakan dengan wajar. Jadi, supaya gagasan itu tidak akan menjadi khayalan, maka perlulah pelaksanaan direncanakan dengan teliti khususnya dari sudut penyediaan tenaga pendidik.

Imperialisme dan kedominan bahasa Inggeris memang diketahui umum. Bahasa Inggeris diagung-agungkan melalui pelbagai nama seperti bahasa dunia dan antarabangsa, bahasa perhubungan luas dan jendela dunia (Philipson, 1992: 282). Salah satu puncanya ialah dapat dikaitkan dengan penguasaan kedua-dua bahasa yang lemah sehingga tidak mampu menggunakan salah satu bahasa itu termasuk bahasa Melayu secara berkesan untuk menyampaikan sesuatu maksud. Jika ini benar, masalah ini mempunyai implikasi yang lebih besar iaitu kegagalan pedagogi bahasa Melayu atau kemerosotan literasi (Simanjuntak, 1995 : 775).

Namun demikian, melalui bidang pendidikan, bahasa Melayu mampu merentangi segala cabaran untuk dinobatkan sebagai bahasa yang dapat diterima dan digunakan di peringkat dunia. Perkara ini tidak mustahil kerana bahasa Melayu pernah bergema dalam ucapan Tan Sri Razali Ismail, wakil tetap Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Peristiwa ini tidak mungkin dilupakan malah akan dijadikan detik

kebangkitan Bahasa Melayu di persada dunia memberi makna yang besar kepada masyarakat kerana bahasa Melayu memang berupaya bersaing di aras tinggi dan mampu digunakan dalam perjuangan sedunia (Abdul Shukor Abdullah, 1999: 483).

Dalam menuju pemodenan ilmu dalam pelbagai bidang, bahasa menjadi sasaran utama kerana bahasa merupakan alat penting untuk menyampaikan sesuatu atau umumnya sebagai alat komunikasi utama dalam sesebuah masyarakat. Berikutan hal tersebut, bahasa Melayu juga mengalami nasib yang sama dalam menyaingi bahasa-bahasa yang ada di dunia. Dari sudut pendidikan, bahasa Melayu menghadapi cabaran khususnya dari segi pengguna bahasanya. Antaranya ialah orang Melayu sendiri tidak menyakini kemampuan Bahasa Melayu untuk menyampaikan ilmu dalam bidang Sains dan Teknologi, mengizinkan penubuhan Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa Pengantar dan persepsi bahawa Bahasa Melayu itu hanya melambatkan proses pembangunan negara (Laporan Mengenai Tindakan Menteri Pendidikan, *Sunday Times*, 9 Julai 1995).

Selain itu, timbul juga kebimbangan di kalangan pencinta bahasa Melayu terhadap ketidakmantapan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa intelektual. Penguasaan dalam bidang persuratan dan lisan oleh beberapa golongan tertentu yang sepatutnya lebih baik, dikatakan semakin menurun dan belum membanggakan. Peranan dan kedudukan Bahasa Melayu sebagai salah satu teras perjuangan nasionalisme dan simbol keperibadian kebangsaan tidak memperlihatkan kedudukan rasminya yang

sebenar dalam kehidupan sosial dan politik dalam usaha memodenkan dan memantapkannya sebagai alat pengucapan ilmu-ilmu moden (A. Aziz Deraman, 2002: 31).

Menurut Nik Safiah Karim (1990:29), dalam konsep bahasa merentas kurikulum, pengajaran bahasa Melayu tidak lagi menjadi keutamaan guru mata pelajaran Bahasa Melayu semata-mata tetapi sebaliknya adalah tanggungjawab guru-guru mata pelajaran yang lain. Dengan kata lain, guru mata pelajaran sains, matematik, sejarah, geografi dan mata pelajaran lain harus tahu tentang selok-belok bahasa Melayu pada tahap yang sama seperti guru bahasa Melayu. Sewaktu mengajarkan ilmu masing-masing mereka harus juga peka terhadap penggunaan bahasa pelajar mereka bagi menentukan bahawa para pelajar dapat menguasai bahasa Melayu dengan betul dan mengungkapkan ilmu yang dipelajari itu melalui bahasa yang betul dan berkesan.

Hal ini memperlihatkan bahawa, taraf sesuatu bahasa itu terletak kepada penggunaannya. Peranan guru dalam menyampaikan ilmu mampu meletakkan bahasa tersebut sebagai bahasa ilmu kerana memberi kesan terhadap pelajar untuk memahami sesuatu ilmu yang disampaikan.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau:

- a. sejauh mana kemampuan bahasa Melayu itu dilihat sebagai bahasa ilmu oleh bakal guru di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

- b. mengenal pasti bentuk dan ciri-ciri yang dikatakan sebagai bahasa ilmu menurut persepsi pelajar di UPSI.
- c. mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keupayaan bahasa Melayu khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.4 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini adalah seperti yang berikut:

- 1.Tiada perbezaan yang signifikan antara latar belakang pelajar dengan keupayaan bahasa Melayu.
- 2.Tiada perbezaan yang signifikan antara penguasaan pelajar dalam Bahasa Melayu dengan konteks bahasa ilmu.
- 3.Tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan perempuan dalam pembelajaran dan pemahaman Bahasa Melayu.

1.5 Kepentingan Kajian

Kedudukan Bahasa Melayu hari ini jelas mencerminkan masyarakat penggunanya yang sedang mengalami pembangunan yang pesat. Dalam proses pembangunan, kita tidak pernah sunyi dengan perkara baru khususnya dalam arena penyampaian ilmu zaman moden ini. Masyarakat Malaysia hari ini sedang membangun dan perlu mengungkapkan segala yang baru.

Pada dasarnya kekacauan itu timbul kerana satu atau lebih unsur bahasa bertembung dan satu mempengaruhi yang lain. Melihat kepada Bahasa Melayu sebagai bahasa harian 20 tahun lalu dan sekarang ia menjadi bahasa ilmiah untuk menanggung banyak fungsi baru seperti bahasa pengantar di sekolah dan di universiti. Daripada kajian yang akan dilakukan, pengkaji akan cuba mengetengahkan faktor-faktor dan cabaran yang dihadapi oleh bahasa Melayu dari sudut konteks keilmuan serta sikap dan persepsi guru dalam menghadapi anjakan paradigma pendidikan yang pastinya memerlukan satu bentuk bahasa yang benar-benar berkesan dalam menyampaikan ilmu pada abad ini.

Dengan gagasan yang direncanakan, mereka harus melihat bahawa proses pemerkasaan dan pemartabatan bahasa itu berterusan dengan wujudnya konsep bahasa ilmu di Institusi Pendidikan. Selain itu, membekalkan satu alternatif yang kukuh kepada bakal pendidik akan keupayaan bahasa Melayu dalam pendidikan demi kestabilan jurang komunikasi, penerimaan ilmu disesuaikan dengan status dan identiti masyarakat supaya bahasa dapat bersaing dan dipertahankan nilainya dalam proses penyampaian ilmu.

Dalam konteks pengajaran bahasa, bukan sebarang bentuk bahasa boleh diajarkan. Bahasa yang baik, betul dan bahasa berkesan adalah aspek-aspek yang harus diutamakan. Dari itu, untuk mengajarkan Bahasa Melayu yang baik dan berkesan, maka wajarlah guru mengetahui dan menggunakan bentuk-bentuk tersebut. Di samping itu guru juga hendaklah mengenali bentuk yang salah.

Peranan guru dalam perkembangan bidang ilmu memperlihatkan penggunaan Bahasa Melayu dalam mengungkap pelbagai bidang ilmu pengetahuan khususnya dalam sektor pendidikan. Ini kerana, hampir kesemua bidang atau disiplin ilmu boleh disampaikan melalui bahasa Melayu. Guru akan memainkan peranan penting kerana di atas bahu gurulah diletakkan tanggungjawab untuk melahirkan tamadun ilmu di negara kita (Chai Loon Guan, 1998: 455)

Bahasa Melayu adalah pengetahuan linguistik yang menjadi Bahasa Nasional atau bahasa pertama. Sebaik-baiknya bahasa Melayu itu digunakan sebagai bahasa pengantar pendidikan dan pengajaran di sekolah dan universiti dan sebagai bahasa utama dalam segala bidang. Bahasa Melayu inilah alat pemikiran yang paling utama, di samping alat pemersatu dan pemandu bangsa yang memberi kekuatan psikologi yang mantap. Pengutamaan total bahasa Melayu ini sangat mustahak untuk menjamin pengadaan sumber bermutu tinggi dan dengan pemikiran menjamin kejayaan pembangunan negara yang maksimum (Mangantar Simanjuntak, 1995: 795).

1.6 Batasan Kajian

Pengkaji membataskan kajian ini kepada pelajar-pelajar yang menuntut di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam pembelajaran yang juga turut memainkan peranan sebagai bakal pendidik. Sasaran sampel kajian adalah di kalangan pelajar yang bukan hanya mengkhusus pendidikan bahasa Melayu tetapi juga dari program lain seperti program pendidikan seni, program sastera,

program sains dan program perniagaan. Kesemua pelajar ini terdiri daripada pelajar-pelajar yang berada pada tahun akhir pengajian di Universiti ini.

Rasionalnya pengambilan sampel ini adalah sebagai satu dapatan atau hasil yang memperlihatkan keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di kalangan pelajar. Dalam proses menyalurkan ilmu pengetahuan di sekolah, guru-guru akan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama mereka dan mereka perlu mengetahui pengertian tentang bentuk dan ciri bahasa ilmu itu. Secara umumnya, skop kajian ini melibatkan tindak balas dan pandangan bakal guru terhadap penggunaan dan keupayaan Bahasa Melayu. Kajian ini menjurus kepada bentuk bahasa ilmu itu dalam konteks pendidikan masa kini.

Melalui cara ini, permasalahan yang timbul seperti keupayaan Bahasa Melayu dalam mengungkapkan ilmu tinggi di institusi pendidikan, keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran dan konsep bahasa Melayu merentas kurikulum. Dapatan kajian dibuat berdasarkan hasil soal selidik daripada sampelan.

1.7 Definisi istilah

Dalam kajian ini, terdapat beberapa konsep atau istilah yang digunakan oleh pengkaji dan perlu diketahui dan difahami. Ini dilakukan untuk memudahkan kajian dan menyelesaikan kekeliruan yang wujud. Antara konsep tersebut adalah seperti yang berikut:

1.7.1 Bahasa

Bahasa merupakan alat untuk menyampaikan maksud asas dalam kehidupan sehari-hari. Bahasa boleh disusun untuk menyampaikan fikiran dan perasaan yang lebih halus dan seni. Bahasa juga menjadi saluran ilmu dan buah fikiran (Nik Safiah Karim, 1986: 6).

“Bahasa merupakan sistem tanda-tanda atau lambang yang arbitrari dan digunakan untuk menyatakan idea-idea dan mempunyai aturan-aturannya sendiri”
(Mangantar Simanjuntak, 1987: 37).

1.7.2 Bahasa Melayu

Bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda orang-orang Melayu yang tinggal di daerah kepulauan Melayu, khususnya di Semenanjung Tanah Melayu, Selatan Thai, Sumatera, Kepulauan Riau dan beberapa daerah di Borneo (Asmah Hj. Omar, 1993: 16)

1.7.3 Ilmu

Dalam bahasa Yunani perkataan ‘ilmu’ disebut sebagai epistamai, epispteme yang berasal dari akar kata yang bermaksud ‘*to stand*’ yakni berdiri, yang keselarian makna di dalam bahasa Inggerisnya ialah ‘*to understand*’ yakni memahami.

Ilmu dalam bahasa Arab membawa makna pengetahuan. Selain itu kata dasar ilmu itu membawa banyak lagi andaian tentang makna ilmu di dalam bahasa Arab. Antaranya asas terjemahan ilmu itu mungkin mempunyai kaitan dengan perkataan alam iaitu membawa maksud simbol atau tanda. Satu lagi ia membawa maksud lisan t’lam yang lebih

hampir seiring dengan ta'allama yang bermaksud mempelajari. Akar kata ilmu selain memberi makna ‘mengetahui’ juga dalam masyarakat Badwi mempunyai hubungan antara isyarat jalan dan pengetahuan. Bagi masyarakat Badwi, pengetahuan tentang isyarat jalan, ciri menjalankan tugas sehari-hari adalah pengetahuan yang paling penting perlu diperolehi. Setelah kedatangan Islam makna ilmu mencakupi pengertian yang lebih luas, antaranya membawa konotasi ‘mempercayai’, ‘datang’ dan ‘berkata-kata’. Sementara kata ilmu juga diperkembangkan dengan kata seperti ilma I-yaqini yang membawa maksud ‘melihat’ dengan pandangan yang pasti. (Keagungan Ilmu. Franz Rosenthal oleh S.M Zakir 1992:1)

Dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002: 483), ilmu didefinisikan sebagai pengetahuan, kepandaian (dalam perkara dunia, akhirat, zahir, batin dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan keilmuan).

1.7.4 Bahasa Ilmu

Bahasa ilmu didefinisikan sebagai bahasa yang mempunyai ciri-ciri formal dan dapat mengungkapkan sesuatu konsep dan proses ilmu. Bahasa yang mampu menyampaikan ilmu pengetahuan moden seperti Ilmu Sains, Teknologi, Ekonomi, Kejuruteraan, Kedoktoran dan Ilmu Undang-undang, di samping sastera dan agama
(Abdul Hamid Mahmood, 1997: 79).

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002: 88), bahasa ilmu ialah bahasa yang mampu menjadi perantaraan bagi penyampaian ilmu pengetahuan sehingga ke peringkat tinggi.

Bahasa ilmu ialah keupayaan sesuatu bahasa itu menyampaikan buah fikiran dan hujah yang tepat dan berkesan. Kemuncak pencapaian taraf keintelektualan bahasa ialah penggunaan laras saintifik dan ilmiah, mencerminkan kejelasan pemikiran (Nik Safiah Karim, 1986: 6).

BAB II

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kemampuan Bahasa Melayu dalam mengungkapkan pelbagai bidang ilmu tidak dinafikan lagi. Ini berkaitan dengan sejarah bahasa Melayu itu sendiri dalam proses perkembangan di rantau Asia. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa utama khususnya dalam sektor pendidikan memberikan satu implikasi besar dari sudut bahasa ilmu. Terdapat banyak kajian yang telah membuktikan bahawa bahasa Melayu itu bukan sekadar menjadi bahasa masyarakat peribumi tetapi juga menjadi bahasa komunikasi dunia dalam mewujudkan hubungan dua hala yang bersifat intelektual terutamanya dalam pelbagai penulisan ilmiah juga bahasa pendidikan.

Dalam konteks ini, perkembangan bahasa Melayu dari semasa ke semasa dan menilai sama ada perkembangan tersebut berkesan atau tidak. Usaha ini perlu supaya perkembangan bahasa Melayu tersebut sentiasa diawasi bagi menentukan proses ini berlaku

dengan sihat. Penggunaan bahasa Melayu telahpun tersebar luas dari segi bilangan penutur dan bidang penggunaannya. Penggunaan dalam bidang sains dan sains sosial memang jelas dengan terlaksananya pendidikan dalam bahasa Melayu, terciptanya istilah-istilah dan juga terbitnya buku-buku ilmiah sama ada hasil terjemahan atau karya asal.

Mengikut Nik Safiah Karim (1987: 22-23) mengatakan bahawa pada tahap yang paling dasar, bahasa ilmu ialah bahasa yang menjadi saluran ilmu pengetahuan, bahasa yang digunakan untuk menyampaikan bahan-bahan ilmu. Dalam konteks bilik darjah bahasa ilmu ialah bahasa yang digunakan untuk mengajarkan mata pelajaran sekolah. Satu tugas utama bahasa ialah untuk menyampaikan buah fikiran dan perasaan untuk menyatakan sesebuah mesej, maksud dan kenyataan. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tidak membenarkan penggunaan yang bersifat sederhana yang hanya berupaya memberi gambaran secara samar-samar yang strukturnya menyatakan sesuatu yang berlainan daripada yang dimaksudkan.

Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu memerlukan ciri-ciri penggunaan tertentu. Satu aspek ialah penggunaan yang sempurna. Kesempurnaan di sini bermaksud kesempurnaan dari segi peraturannya seperti ejaan, sebutan, tatabahasa dan perbendaharaan kata.

2.2 Literatur Berkaitan

Penggunaan bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pada tahun 1983 dan pada tahun 1988, bahasa Melayu telah digunakan untuk seluruh sistem pendidikan negara berjaya dilaksanakan. IPT telah menggunakan Bahasa Melayu sejak 1971, kini penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu telah melahirkan ratusan ribu graduan tanpa menjaskankan sedikit pun proses pembangunan negara (Nazri Muslim, 2001: 63)

Oleh sebab itu, apabila negara kita mencapai kemerdekaan, soal kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu menjadi salah satu keutamaan dalam dasar pendidikan kebangsaan. Di samping untuk mencapai integrasi dan perpaduan bangsa, peletakan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu yang mula-mula disarankan dalam Laporan Razak 1956 dan kemudian diperkuat dalam Laporan Abdul Rahman Talib 1960 sebenarnya merupakan langkah mempersiapkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang lebih menyeluruh (Awang Sariyan, 1995: 51)

Dalam usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, penghasilan karya ilmiah dalam bahasa Melayu amat penting dan perlu dipergiat dari semasa ke semasa. Ini kerana tanggapan masyarakat terutamanya golongan cendekiawan, golongan terpelajar dan pencinta bahasa terhadap bahasa Melayu dipengaruhi oleh jumlah buku ilmiah yang ditulis dalam bahasa tersebut. Dengan perkataan lain, pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu bergantung pada pengguna dan pengamalnya. Jika bahasa Melayu digunakan dengan meluas untuk menyalurkan idea-idea dalam pelbagai disiplin ilmu, maka bertambah

kukuhlah pengiktirafan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa tinggi (Razali Saad, 1991: 845).

Berikut hal tersebut, kejayaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menghasilkan 196 buku daftar yang menampung sebanyak 748, 978 istilah sejak 43 tahun lalu mampu mengisi perpustakaan ilmu abad ke-21. Istilah berkenaan juga disediakan dalam pelbagai bidang ilmu, daripada bidang yang menyentuh emosi seperti puisi hingga ke teknologi tinggi seperti industri angkasa. Bahasa Melayu juga dapat berfungsi sebagai bahasa untuk mempelajari, mencipta dan mengembangkan ilmu sains dan teknologi bagi keperluan pembangunan negara untuk menjadi negara yang maju. Selain itu Timbalan Menteri penerangan Datuk Mohd. Khalid Yunus menyatakan bahawa status bahasa Melayu bukan sekadar bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu, malah jika usaha berterusan dibuat bahasa Melayu akan menjadi bahasa komunikasi dunia, sama seperti bahasa lain di dunia (*Berita Harian* 12 April 2000).

Berdasarkan kemampuan bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di sekolah, maktab dan universiti, bahasa dalam peperiksaan kerajaan dan sebagai bahasa ilmu dalam buku-buku teks, kamus, ensiklopedia, jurnal, istilah dan bahan bacaan yang diterbitkan untuk kegunaan para pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi, dengan berpegang kepada hakikat bahawa Bahasa Melayu sudahpun mempunyai pelbagai laras bahasa dalam beraneka bidang ilmu pengetahuan. Jadual berikut menunjukkan jumlah judul baru yang diterbitkan pada tahun 1991-1995 yang diterbitkan dan diedarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jadual 1**Jumlah Judul Baru yang Dicadangkan Terbit Tahun 1991-1995****Mengikut Bidang**

Bidang	1991	1992	1993	1994	1995	Jumlah	Peratus (%)
1. Am	4	5	5	6	6	26	1.3
2. Falsafah	33	36	40	44	47	200	10.0
3. Sains Sosial	57	62	69	76	80	344*	17.2
4. Agama	33	36	40	44	47	200	10.0
5. Bahasa	41	45	50	55	59	250	12.5
6. Sains Tulen	33	36	40	44	47	200	10.0
7. Sains Gunaan	33	36	40	44	47	200	10.0
8. Kesenian	8	9	10	11	12	50	2.5
9. Kesusteraan	63	68	76	83	90	380	19.0
10. Geografi / Sejarah	25	27	30	33	35	150	7.5
Jumlah	330	360	400	440	470	2000	100.0%

*Termasuk buku-buku dalam bidang perundangan

Penerbitan buku-buku dalam pelbagai bidang memperlihatkan bahawa bahasa Melayu kini mengorak langkah menjadi bahasa ilmu, melalui peranannya sebagai bahasa pengantar utama. Ini juga nyata apabila bahasa Melayu itu digunakan dengan aktifnya di dalam konteks agama, sastera dan budaya. Oleh itu, usaha menggunakan bahasa Melayu di dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan ini adalah jauh lebih mudah kerana bahasa tersebut telah lama digunakan untuk tujuan tersebut. Walaupun tidak kurang abstrak dan sukar seperti yang wujud dalam bidang sains dan teknologi.

Jika kita melihat konsep bahasa moden dan bahasa yang maju, tiga ciri utama yang dimiliki iaitu mempunyai sistem tulisan, ragam bahasa, dan mampu menterjemah. Bahasa yang dimaksudkan sudah tentulah bahasa Eropah sedangkan Bahasa Melayu sudah maju sejak abad ke-13 lagi. Fishman dalam teorinya membezakan fungsi dan taraf bahasa ‘peribumi’ (di negara bekas jajahan Barat). Bahasa ‘peribumi’ dianggap penting sebagai fungsi nasionalis, simbolik dan identiti bangsa. Semua takrifan ini melihat kepada sosiobudaya. Manakala dari sudut linguistik dapat ditakrifkan bahawa bahasa di dunia mampu berfungsi sebagai bahasa kemajuan, bahasa ilmu dan bahasa pembentuk tamadun tinggi. Ini dapat dilihat dari segi hasil penulisan kreatif yang mengungkapkan akal budi dan nilai tinggi falsafah Melayu melalui bahasa yang cukup berseni
(Hassan Ahmad, 2001: 13).

Melihat kepada negara-negara seperti Jepun, Korea, Perancis, Jerman dan beberapa buah negara lain telah membangun dengan pesat berdasarkan keupayaan bahasa di negara berkenaan sebagai bahasa ilmu yang ulung dan mantap. Negara tersebut tetap

mempertahankan kewibawaan bahasa mereka dan sentiasa mementingkan bahasa mereka sebagai bahasa ilmu pengetahuan. Dalam konteks ini, keupayaan dan kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perhubungan yang penting tidak harus diragui. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu hendaklah diberikan tempat yang seluas-luasnya kerana dikhawatir bahawa titisan ilmu yang akan dikembangkan nanti tidak dapat menyerap ke semua lapisan masyarakat.

Di rantau Nusantara, bahasa Melayu (termasuk bahasa Indonesia) dapat menjadi bahasa untuk komunikasi yang lebih luas (*language for wider communication*) kerana bahasa itu dapat difahami oleh rakyat di kawasan ini. Namun, di luar rantau ini, bahasa itu tidak lagi dapat berfungsi sebagai bahasa untuk komunikasi yang lebih luas. Sesetengah pakar berpendapat bahawa penyebaran bahasa Melayu di seluruh Nusantara dan kemudian diterima sebagai bahasa untuk komunikasi yang lebih luas oleh kelompok etnik yang berbeza-beza itu dimungkinkan oleh kenyataan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa yang luwes.

Menurut gagasan yang dibawa oleh Sapir-Whorf menyatakan berkenaan dengan pengaruh bahasa pada cara manusia memahami alam fizikalnya. Menurut mereka, manusia hidup dalam dunia konkret dan dunia aktiviti sosial. Oleh sebab itu, manusia tertakluk kepada bahasa yang menjadi media pengucapan bangsanya (Suparno, 2001: 21).

Berdasarkan hipotesis ini, apabila sesuatu bangsa menukar bahasanya maka bangsa itu bukan hanya menukar alat komunikasinya, tetapi menukar persepsinya berkenaan

dirinya dan persepsiannya tentang alam sekeliling. Jelas bahawa, nilai, taraf dan kedudukan sesuatu bahasa itu bergantung sepenuhnya sikap dan tingkah laku penutur yang menggunakan bahasa tersebut. Untuk menghadapi keadaan perkembangan dunia yang pesat, yang cenderung diwarnai oleh agresifnya penggunaan bahasa asing, kemampuan bahasa yang sedang menuju kemantapan diri perlu dikembangkan secara bersungguh-sungguh. Begitu juga halnya dengan bahasa Melayu wajar dikembangkan untuk memenuhi keperluan dalam mengungkapkan pelbagai bidang keilmuan masa kini.

Dari segi teori, Bahasa Melayu adalah bahasa yang paling berkuasa dan berpengaruh di negara ini. Sebagai bahasa yang dominan, tempat bahasa Melayu di negara ini terjamin di persada yang paling tinggi, malah kedudukannya harus dan mesti dikaitkan dengan prestij yang tertinggi di Malaysia jauh lebih tinggi daripada segala macam bahasa yang terdapat dan digunakan di sini termasuk bahasa Inggeris. Kegunaan Bahasa Melayu dapat diteliti dalam konteksnya sebagai bahasa terpenting di Malaysia, bahasa pentadbiran, bahasa ilmu (termasuk Sains dan Teknologi), bahasa media massa (elektronik), bahasa tambahan atau sokongan kepada golongan buku Melayu dan bahasa perhubungan antara pelbagai kaum selain memberi identiti kebangsaan kepada Malaysia sebagai sebuah bahasa yang berdaulat (Teo Kok Seong, 1999:26).

Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan di Malaysia masa kini boleh dilihat dari dasar pendidikan yang menetapkan penggunaan bahasa Melayu dalam pengantar pendidikan kepada semua tahap persekolahan sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Namun demikian pelaksanaannya tidak membawa pengaruh yang positif kerana taraf

pencapaian penguasaan bahasa Melayu pada keseluruhannya masih tidak memuaskan. Aspek bahasa yang negatif seperti buku teks yang kurang bermutu dan sumber-sumber lain yang ditulis dalam bahasa yang bercelaru, tidak tekal dengan ejaannya, tatabahasa, istilah menyebabkan pencapaian kurang memuaskan (Laporan Jawatankuasa Mengkaji Bahasa Melayu, 1981:11).

Banyak perbincangan bertolak dengan persepsi yang tidak begitu menggembirakan tentang korpus atau bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Memanglah jika dibandingkan dengan beberapa bahasa seperti bahasa Inggeris, bahasa Perancis, bahasa Jepun dan bahasa Jerman, korpus ilmu dalam bahasa-bahasa tersebut jauh mengatasi korpus bahasa Melayu. Senario tersebut turut menggambarkan bahawa di satu pihak yang terdapat kuantiti dan kualiti di kalangan ilmuwan, editor ilmu, editor bahasa, ilustrator, pereka bentuk, penerbit mengatasi pihak lain.

Atas alasan keilmuan dan pemodenan juga mereka memperjuangkan bahasa Inggeris itu tanpa menyentuh dan secara langsung mengambil peranan untuk memajukan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan alat pemodenan bangsa. Dalam situasi yang ada di negara kini, bahasa Inggeris mengatasi bahasa kebangsaan baik dari segi martabat maupun dari segi nilai ekonominya. Bahasa Melayu hingga kini belum berhasil sepenuhnya menjadi wahana modenisasi kebudayaan dan masih diragukan kemampuannya sebagai pembina ilmu pengetahuan dan teknologi moden. Fungsi bahasa kebangsaan sebagai wadah pemikiran dan kebudayaan nasional yang berlandaskan keupayaan nenek moyang gagal membezakan dengan fungsi bahasa Inggeris sebagai bahasa perdagangan antarabangsa.

2.3 Kajian Berkaitan

Pada tahun 1971, pihak Kementerian Pendidikan mempunyai tugas paling berat iaitu untuk melatih guru-guru supaya dapat mengajar dalam bahasa Melayu. Ternyata hasrat kerajaan ini telah memperlihatkan satu pencapaian yang membanggakan apabila bahasa Melayu telah digunakan di peringkat IPT. Satu bukti bahawa bahasa Melayu mampu menjadi bahasa ilmu dalam mengungkapkan pelbagai bidang ilmu.

Bagi menentukan bahasa itu dianggap sebagai bahasa ilmu, soal peristilahan amat penting. Ini kerana , pembinaan bahasa peringkat peluasan kosa kata perlu dan dalam hal ini istilah-istilah khusus merupakan peringkat yang menentukan keefisienan bahasa itu (Kelman, Alisjahbana 1975: 51). Kemampuan menampung ilmu pengetahuan adalah ukuran muktamad sama ada sudah cukup terbina menjadi bahasa moden untuk masyarakat moden ataupun tidak.

Kajian telah dilakukan untuk mengetahui kesan mengajarkan ilmu melalui bahasa ibunda dan bahasa pinjaman. Dapatan kajian itu membuktikan bahawa pelajar melalui bahasa ibunda adalah lebih cepat dan berkesan. Sebuah kajian di Ireland terhadap penggunaan bahasa Gaelik iaitu bahasa ibunda mereka untuk mengajarkan matematik kepada kanak-kanak sekolah rendah. Dapatan kajian tersebut membuktikan bahawa kanak-kanak tersebut dapat memahami pengajaran dengan cepat dan berkesan (Abdullah Hassan, 1997 : 6).

Daripada kajian ini jelas membuktikan bahawa bahasa kita boleh menjadi bahasa ilmu dengan adanya kesanggupan masyarakat dalam mengiktiraf bahasa Melayu itu sebagai bahasa ilmu. Ini kerana, hala tuju dan matlamat Bahasa Melayu ini jelas dalam perancangan yang berikut:

1. Bahasa Melayu menjadi salah satu daripada bahasa komunikasi rasmi antara negara-negara ASEAN.
2. Bahasa Melayu menjadi salah satu daripada bahasa perdagangan antara negara-negara ASEAN sebelum tahun 2005.
3. Bahasa Melayu menjadi salah satu daripada bahasa perdagangan antara Asia Timur sebelum tahun 2010.
4. Bahasa Melayu menjadi salah satu daripada bahasa rasmi dalam persidangan Bangsa-bangsa Bersatu sebelum tahun 2015.

Selain usaha di atas, hasrat memartabatkan bahasa Melayu, kaedah dan teknik pengajaran Bahasa Melayu terkini pada semua peringkat persekolahan dilihat sebagai saluran terpenting. Pelbagai teknik telah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Antaranya termasuklah “teknik mengalami menghayati” dalam pengajaran bahasa di kalangan pelajar pelbagai etnik yang dilaksanakan pada tahun 1994, wajar diketengahkan untuk kepentingan seluruh negara. Hasil daripada dapat menunjukkan pendekatan ini dapat meningkatkan pencapaian kefahaman pelajar daripada pelbagai golongan.

Dari segi sejarah, bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa kosmologi baik dalam hubungan dengan alam fizik dan metafizik, agama dan teknologi semasa, baik dalam pendidikan, perdagangan, pertanian dan binaan. Bukti-bukti ini menunjukkan betapa bahasa Melayu itu mampu mendukung asas dan pembinaan tamadun Melayu. Dengan wujudnya industri pendidikan, Malaysia akan menjadi tumpuan para pelajar luar negara. Oleh sebab itu, perlu diwujudkan satu dasar baru yang mewajibkan pelajar asing mempelajari bahasa Melayu, sebelum mengikuti sesuatu pengajian di Malaysia. Apabila mereka pulang ke negara asalnya, mereka akan membawa bersama kepandaian berbahasa Melayu melalui penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmiah dan sains (A. Aziz Deraman, 2002 : 31).

Potensi bahasa Melayu dapat dimanfaatkan dalam bidang industri berdasarkan kejayaan sistem pendidikan negara yang berhasil melahirkan lulusan yang mampu memperkatakan segala ilmu pengetahuan dalam bahasa Melayu. Contohnya, penggunaan bahasa Melayu melalui penyampaian arahan kepada pekerja, manual ringkas dan pentadbiran. Ini kerana bahasa merupakan alat perhubungan yang cukup penting dalam industri. Dalam konteks ini, bahasa Melayu dapat digunakan untuk perhubungan sesama pengurus dan pekerja. Dalam bidang latihan, cadangan dibuat agar bahasa Melayu dapat digunakan dalam bidang ini terutamanya apabila yang dilatih itu orang tempatan dan jurulatihnya orang asing. Mereka harus mempelajari bahasa Melayu dalam menyampaikan maklumat (Nik Safiah Karim, 2001: 52).

Berhubung dengan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, masih terdapat persoalan bahawa apakah bahasa tersebut sudah boleh dianggap sebagai bahasa ilmu

ataupun tidak. Menurut Mohd. Tajudin Abdul Rahman (1997:441) menyatakan bahawa dari segi pelaksanaannya sejak bahasa Melayu mula diperkenalkan sebagai bahasa seluruh ilmu pengetahuan pada peringkat yang paling tinggi, boleh dikatakan bahawa bahasa tersebut sudah menjadi bahasa ilmu. Namun ukuran yang lebih tepat ialah tahap penguasaan penggunanya.

Sebenarnya penjelasan di atas adalah nyata kerana bukannya bahasa Melayu yang tidak mampu mengungkapkan pelbagai ilmu, tetapi pengguna bahasa Melayu gagal menguasainya dengan baik sehingga usaha menggunakan bahasa Melayu untuk pelbagai wacana dalam pelbagai bidang ilmu terhalang. Ini kerana apa-apa bahasa di dunia tidak kreatif kerana yang kreatif sepatutnya penuturnya dan mereka perlu memahami konsep dalam suatu bidang bagi membolehkannya diluahkan ke dalam bahasa masing-masing.

Satu kajian penyelidikan untuk mengetahui kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam beberapa disiplin ilmu pengetahuan. Kajian ini dilakukan oleh Noraini Abdul Manaf di Universiti Putra Malaysia (1990) iaitu penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di kalangan pelajar program sarjanamuda sains dan pendidikan. Tujuannya melihat penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu faktor yang menghalang keberkesanan dan menentukan bagaimana pengaruh jantina, bangsa serta lokasi mahasiswa terhadap penggunaan bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara keperluan untuk menguasai kemahiran tertentu dalam menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di kalangan mahasiswa lelaki dan perempuan.

Memahami sistem Bahasa Melayu dari segi bentuk, makna dan fungsinya serta menggunakan dengan tepat dalam kehidupan harian, menggunakan bahasa Melayu dengan berkesan dalam setiap bidang ilmu pengetahuan juga dalam perhubungan harian membolehkan bahasa tersebut mampu digunakan dalam apa juga keadaan serta bidang ilmu yang disampaikan. Kini bahasa Melayu ternyata mampu menjadi wahana utama untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dengan berkesan setelah diberi kesempatan. Inisiatif kerajaan yang telah menetapkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) terbukti berjaya menyampaikan ilmu dalam pelbagai bidang. Satu tinjauan Zaiton Abdul Rahman (1996:1) didapati bahawa lebih kurang 75% kursus yang ditawarkan di Institusi pendidikan swasta di negara ini disampaikan melalui bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Tindakan pihak swasta yang sedemikian memperlihatkan sikap golongan tersebut yang kurang yakin akan keupayaan Bahasa Melayu.

2.4 Kesimpulan

Penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu menunjukkan kemantapan dan keberkesanan bahasa tersebut sebagai bahasa ilmu. Ini memperlihatkan satu petunjuk bahawa bahasa Melayu wajar mendapat pengiktirafan yang sewajarnya dalam konteks keilmuan di negara ini. Berdasarkan asas tersebut maka bahasa Melayu itu boleh digunakan dalam apa juga disiplin ilmu yang disampaikan oleh golongan pendidik. Secara umumnya, bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu bukan dilihat hanya dari perspektif yang kecil di

sekolah sahaja tetapi meliputi bidang-bidang lain yang lebih luas berkaitan dengan penggunaan bahasa tersebut untuk tujuan mendapatkan ilmu pengetahuan.

BAB III

KAEDAH KAJIAN

3.1 Pengenalan

Penulisan kajian ini memperkatakan tentang Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu khususnya dalam pendidikan. Tujuannya adalah untuk mengetahui persepsi sama ada bahasa Melayu ini berkeupayaan dalam menyampaikan ilmu pada masa kini di kalangan bakal guru di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Selain itu, kajian ini juga meneliti mengenai bentuk dan ciri-ciri yang dikatakan bahasa ilmu. Bahagian ini akan memberi gambaran terperinci tentang perkara yang berkaitan dengan kajian yang melibatkan reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, alat kajian (instrument) prosedur pengumpulan data, dan prosedur penganalisisan data.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui pendapat atau persepsi pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris tentang bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu khususnya dalam bidang pendidikan. Kajian yang dilakukan adalah satu tinjauan yang melibatkan para pelajar pada tahun akhir pengajian. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan soal selidik. Melalui kaedah ini maklumat atau data mentah yang diperoleh dianalisis dan ditukarkan dalam bentuk graf. Kaedah kepustakaan pula dijalankan untuk mendapatkan segala data atau maklumat daripada buku, jurnal, kertas seminar, kertas kerja, tesis dan segala bahan yang berkaitan dengan kajian ilmiah.

3.3 Populasi dan Sampel Kajian

Pengkaji akan mengambil sampel kajian iaitu seramai 50 orang pelajar daripada pelbagai program pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris seperti program pendidikan Bahasa Melayu, program Pendidikan Kesusastraan Melayu, program Pendidikan Perniagaan, program Pendidikan Seni dan program Pendidikan Sains. Pelajar yang dipilih adalah di kalangan pelajar tahun akhir pengajian sesi 2002/ 2003 dan hanya 10 orang yang dipilih sebagai responden bagi mewakili setiap program. Pemilihan sampel dalam kajian ini akan dibuat berdasarkan keperluan kajian serta penilaian tentang persepsi pelajar mengenai keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Ini dilaksanakan kepada para pelajar yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam proses menyampaikan ilmu.

3.4 Alat Kajian

Bagi membantu pengkaji menjalankan kajian ini, alat kajian utama yang digunakan ialah borang soal selidik. Dalam borang soal selidik ini, terdapat 3 bahagian utama disediakan. Dalam bahagian A memperincikan tentang latar belakang pelajar yang mempunyai kaitan dengan sosiobudaya mereka. Dalam bahagian B pula, berkaitan dengan pendapat pelajar tentang bahasa ilmu dan ciri-cirinya. Ini penting bagi menjawab soalan kajian yang berkaitan dengan bentuk dan ciri-ciri bahasa ilmu dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Dalam bahagian C pula, pengkaji menyentuh pendapat pelajar tentang keupayaan penggunaan Bahasa Melayu dan keperluannya dalam pendidikan.

3.5 Prosedur Pengumpulan Data

Pertama sekali, pengkaji akan memilih tempat untuk mengadakan kajian penyelidikan ini. Dalam hal ini, Universiti Pendidikan Sultan Idris menjadi pilihan sebagai lokasi kajian. Tempat ini merupakan tempat pengkaji sendiri mengikuti program pengajian dalam pendidikan Bahasa Melayu. Tempat ini dipilih bersesuaian dengan tujuan penyelidikan dalam bidang bahasa. Pengkaji telah mendapatkan surat kebenaran untuk tujuan penyelidikan di Universiti ini.

Selepas itu, menjalankan kajian dengan menggunakan kaedah soal selidik. Borang soal selidik yang disediakan itu akan diperiksa dan disahkan oleh pakar yang bertujuan melihat persepsi dan pendapat pelajar tentang Bahasa Melayu dikatakan sebagai bahasa

ilmu. Data yang diperoleh kemudian ditukarkan ke dalam bentuk peratusan dan seterusnya dianalisis. Seterusnya hasil kajian dipersembahkan dalam bentuk jadual dan graf.

3.6 Prosedur Penganalisisan Data

Dalam penganalisisan data atau skor mentah ini, pengkaji telah menentukan bentuk pengukuran yang sesuai untuk melihat pendapat dan kefahaman di kalangan bakal guru di UPSI tentang keupayaan bahasa Melayu dari sudut pendidikan. Ini kerana, bahasa berkait rapat dengan proses penyampaian ilmu bukan sahaja di sekolah tetapi kepada masyarakat amnya. Oleh itu, skala nominal akan digunakan bagi menentukan sama ada faktor latar belakang pelajar mempengaruhi persepsi mereka tentang bahasa digunakan semasa menjalankan aktiviti pembelajaran. Selain itu, skala likert juga digunakan bagi melihat kefahaman serta melihat pendapat mereka tentang taraf bahasa yang dikatakan sebagai bahasa ilmu dalam pendidikan masa kini. Data-data tersebut kemudian diproses dalam bentuk statistik deskriptif dengan menggunakan perisian SPSSX iaitu dengan mengira kekerapan, taburan dan menukarkan dalam bentuk peratus.

BAB IV

KEPUTUSAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan tentang hasil kajian yang telah diperoleh. Huraian mengenai dapatan kajian ini akan dikemukakan dalam analisis soal selidik berdasarkan objektif kajian. Pengkaji akan menghuraikan dapatan kajian soal selidik yang telah dijalankan terhadap sampel. Tumpuan akan diberikan kepada aspek latar belakang, perspektif responden dan kefahaman mereka tentang bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

4.2 Perihalan Sampel

Sampel yang dipilih terdiri daripada pelajar-pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) daripada program Pendidikan Bahasa Melayu, program Pendidikan Kesusastraan Melayu, program Pendidikan Sains, program Pendidikan Seni dan program Pendidikan

Perniagaan. Sampel ini seramai 50 orang iaitu setiap program diwakili oleh 10 orang. Pelajar-pelajar ini dipilih secara rawak dan terdiri daripada pelbagai kaum.

4.3 Dapatan Kajian

Menerusi soal selidik yang telah dilakukan, pengkaji akan membuat analisis dalam bentuk jadual dan graf untuk melihat jumlah kekerapan dan maklum balas responden berdasarkan maklumat yang diperoleh. Ini bertujuan untuk melihat objektif tercapai atau tidak.

- a. sejauh mana kemampuan bahasa Melayu itu dilihat sebagai bahasa ilmu oleh bakal guru di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Jadual 2

Taburan Responden dari Aspek Jantina

Jantina	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Lelaki	20	40.0
Perempuan	30	60.0
Jumlah	50	100.0

Jadual di atas menunjukkan jantina responden. Bilangan responden yang dipilih secara keseluruhannya ialah 50 orang. Responden ini dipilih secara rawak dan pengkaji juga tidak mengehadkan jumlah pelajar lelaki dan perempuan. Bilangan pelajar lelaki ialah 40.0 %

manakala pelajar perempuan pula seramai 60.0 %. Maklumat ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih ramai menjawab soal selidik yang dikemukakan.

Jadual 3

Taburan Responden Mengikut Program

Program	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Bahasa Melayu	10	20.0
Perniagaan	10	20.0
Pendidikan Seni	10	20.0
Pendidikan Sastera	10	20.0
Sains	10	20.0
Jumlah	50	100.0

Jadual di atas menunjukkan program pengajian yang diikuti oleh responden. Pengkaji telah mengehadkan seramai 10 orang (20.0%) pelajar setiap program yang dipilih iaitu program Pendidikan Bahasa Melayu, program Pendidikan Kesusastraan, program Pendidikan Sains, program Pendidikan Seni dan program Pendidikan Perniagaan. Daripada maklumat tersebut, pengkaji berjaya mendapatkan responden seperti yang dikehendaki.

Jadual 4

Taburan Kelayakan Responden di Universiti Pendidikan Sultan Idris

Kelayakan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Matrikulasi	7	14.0
Diploma	12	24.0
STPM	26	52.0
PKPG	5	10.0
Jumlah	50	100.0

Jadual di atas menunjukkan kelayakan responden mengikuti kursus pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Secara majoritinya responden yang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana Muda di UPSI merupakan lulusan Matrikulasi, Diploma, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Pendidikan Khas Pengijazahan Guru (PKPG). Berdasarkan hasil dapatan kajian, terdapat 14.0% pelajar lulusan matrikulasi, 24.0 % adalah lulusan Diploma, 10.0 % adalah PKPG dan yang paling ramai ialah lulusan STPM iaitu 52.0 %. Daripada maklumat tersebut, rata-rata responden adalah dari lulusan STPM.

Jadual 5

Keputusan Bahasa Melayu yang Diperoleh Responden

dalam Peperiksaan SPM atau STPM

Keputusan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
A	22	44.0
B	19	38.0
C	8	16.0
D	1	2.0
Jumlah	50	100.0

Jadual di atas menunjukkan keputusan Bahasa Melayu responden dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Keputusan ini diukur melalui gred A, B, C dan D. Hasil dapatan memperlihatkan bahawa sebanyak 44.0 % responden mendapat gred A dalam mata pelajaran tersebut. Seramai 38.0 % mendapat gred B, 16.0 % gred C dan hanya 2.0 % sahaja yang mendapat gred D. Berdasarkan maklumat tersebut didapati bahawa sememangnya responden mempunyai pengetahuan tentang Bahasa Melayu.

Jadual 6

Taburan Responden mengikut Bangsa

Bangsa	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Melayu	25	50.0
Cina	3	6.0
India	0	0
Bumiputera Sabah / Sarawak	21	42.0
Lain-lain	1	2.0
Jumlah	50	100.0

Jadual di atas menunjukkan taburan responden mengikut bangsa berdasarkan soal selidik yang disediakan. Terdapat empat kaum sahaja iaitu bangsa Melayu, Cina, Bumiputera Sabah dan Sarawak serta lain-lain. Bilangan pelajar Melayu ialah 50.0 % diikuti oleh pelajar Bumiputera Sabah dan Sarawak 42.0 %, Cina 6.0 % dan lain-lain 2.0 % sahaja. Tidak terdapat pelajar India yang menjawab soal selidik ini dalam setiap program yang telah ditetapkan untuk menjawab soal selidik.

Jadual 7

Kekerapan Bahasa yang digunakan oleh Responden

Bahasa	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Bahasa Melayu	36	72.0
Bahasa Inggeris	2	4.0
Bahasa Cina	3	6.0
Bahasa Tamil	0	0
Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	3	6.0
Lain-lain	6	12.0
Jumlah	50	100.0

Jadual menunjukkan bahasa utama yang digunakan oleh responden dalam pertuturan harian mereka. Berdasarkan dapatan didapati bahawa secara keseluruhannya responden memilih bahasa Melayu sebagai bahasa utama mereka iaitu seramai 36 orang (72.0%) yang ingin menggunakan bahasa tersebut. Terdapat 12.0% lagi ingin menggunakan lain-lain bahasa yang bukan merupakan bahasa rasmi mahupun bahasa kebangsaan. Sebahagiannya lagi ingin menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa ibunda iaitu kaum Cina seramai 3 orang (6.0%). Daripada maklumat tersebut, keinginan mereka untuk menguasai dan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa utama adalah tinggi.

- b. mengenal pasti bentuk dan ciri-ciri yang dikatakan sebagai bahasa ilmu menurut persepsi pelajar di UPSI.

Jadual 8

Kefahaman Responden Tentang Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu

Pemahaman Responden	Bilangan (orang)	Peratus (%)
<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan • bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan • bahasa yang maju • bahasa Sains dan Teknologi 	3	6.0
<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan • bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan serta • bahasa Sains dan Teknologi 	1	2.0
<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan • bahasa Melayu adalah bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan • bahasa yang maju 	4	8.0
<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan • bahasa Melayu adalah bahasa Sains dan Teknologi 	3	6.0
<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan • bahasa Melayu adalah bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan 	6	12.0
<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan dan • bahasa Melayu adalah bahasa yang maju 	1	2.0
<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu adalah bahasa yang maju 	2	4.0

Pemahaman Responden	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
• Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan	15	30.0
• Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan	15	30.0
Jumlah	50	100.0

Jadual di atas menunjukkan kefahaman responden tentang bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Berdasarkan dapatan didapati bahawa pelbagai pendapat yang dikemukakan iaitu terdapat 30.0% menyatakan bahawa bahasa Melayu itu bahasa ilmu apabila menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan dan 30.0% lagi menyatakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan. Sebahagian daripada responden menyatakan bahasa Melayu adalah bahasa yang maju dan bahasa Sains dan Teknologi iaitu masing-masing hanya 2.0% sahaja. Secara keseluruhan didapati bahawa kebanyakan daripada responden memberi pandangan yang hampir sama tentang bahasa Melayu yang dikatakan sebagai bahasa ilmu iaitu merujuk kepada penggunaan bahasa tersebut dalam pentadbiran sesebuah negara.

Jadual 9

Perspektif Responden tentang Ciri-ciri Bahasa Ilmu

Ciri-Ciri	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
<ul style="list-style-type: none"> • Mampu menterjemah, • dapat mengungkap pelbagai ilmu, • lengkap dari segi istilah dan kosa kata, • mempunyai penutur yang ramai, • bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan serta • bahasa pendidikan 	7	14.0
<ul style="list-style-type: none"> • Mampu menterjemah, • dapat mengungkap pelbagai ilmu dan • lengkap dari segi istilah dan kosa kata 	2	4.0
<ul style="list-style-type: none"> • Dapat mengungkap pelbagai ilmu, • lengkap dari segi istilah dan kosa kata serta • bahasa pendidikan 	3	6.0
<ul style="list-style-type: none"> • Dapat mengungkap pelbagai ilmu, • lengkap dari segi istilah dan kosa kata serta • bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan 	2	4.0
<ul style="list-style-type: none"> • Mampu menterjemah, • lengkap dari segi istilah dan kosa kata, serta • bahasa pendidikan 	2	4.0
<ul style="list-style-type: none"> • Dapat mengungkap pelbagai ilmu, • lengkap dari segi istilah dan kosa kata serta • mempunyai penutur yang ramai 	1	2.0
<ul style="list-style-type: none"> • Mampu menterjemah, • dapat mengungkap pelbagai ilmu dan • bahasa pendidikan 	1	2.0
<ul style="list-style-type: none"> • Mampu menterjemah dan • Dapat mengungkap pelbagai ilmu 	1	2.0
<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai penutur yang ramai dan • bahasa pendidikan 	1	2.0
<ul style="list-style-type: none"> • Lengkap dari segi istilah dan kosa kata, • bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan serta • bahasa pendidikan 	1	2.0

Ciri-ciri	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
<ul style="list-style-type: none"> • Mampu menterjemah, • dapat mengungkap pelbagai ilmu, • bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan serta • bahasa pendidikan 	1	2.0
• Dapat mengungkap pelbagai ilmu	12	24.0
<ul style="list-style-type: none"> • Dapat mengungkap pelbagai ilmu dan • bahasa pendidikan 	1	2.0
• Bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan	3	6.0
• Mampu menterjemah	2	4.0
• Bahasa pendidikan	5	10.0
• kosa kata Lengkap dari segi istilah dan kosa kata	5	10.0
Jumlah	50	100.0

Berdasarkan jadual 9 ditunjukkan hasil dapatan kajian. Kajian tersebut menunjukkan ciri-ciri bahasa ilmu menurut responden. Jumlah paling tinggi menunjukkan bahawa bahasa ilmu itu ialah bahasa yang dapat mengungkap pelbagai ilmu iaitu sebanyak 12 orang (24.0%), 14.0% pula mengatakan bahawa ciri-ciri bahasa ilmu ialah mampu menterjemah, dapat mengungkap pelbagai ilmu, lengkap dari segi istilah dan kosa kata, mempunyai penutur yang ramai, bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan serta bahasa pendidikan. Seramai 5 orang (10.0%) daripada responden menyatakan bahawa bahasa ilmu itu ialah bahasa pendidikan dan lengkap dari segi istilah dan kosa kata merujuk kepada jumlah yang sama iaitu 10.0%. Daripada maklumat tersebut secara keseluruhannya responden menyatakan bahawa ciri bahasa ilmu ialah bahasa yang dapat mengungkap pelbagai ilmu dan digunakan dalam pendidikan.

Jadual 10

Bahasa yang telah Mencapai Taraf Bahasa Ilmu

Bahasa	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Tamil dan Bahasa Mandarin	1	2.0
Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin	6	12.0
Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	12	24.0
Bahasa Melayu	7	14.0
Bahasa Inggeris	21	42.0
Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin	3	6.0
Jumlah	50	100.0

Jadual di atas menunjukkan hasil dapatan yang diperoleh berdasarkan soal selidik tentang bahasa yang dianggap telah mencapai taraf bahasa ilmu. Bahasa Inggeris menjadi tumpuan responden bahawa bahasa itu telah mencapai taraf bahasa ilmu iaitu sebanyak 42.0%. Kemudian responden memilih bahawa Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris itu telah mencapai taraf bahasa ilmu iaitu seramai 12 orang (24.0%) dan responden yang memilih bahawa bahasa Melayu itu telah mencapai taraf bahasa ilmu ialah seramai 12 orang (14.0%) selebihnya pula menyatakan bahawa bahasa Inggeris, bahasa Melayu, bahasa Mandarin itu juga bahasa ilmu iaitu seramai 6 orang (12.0%). Daripada hasil tersebut didapati bahawa bahasa Inggeris itu amat berpengaruh dan memberi persepsi kepada pelajar bahawa bahasa Inggeris lebih diterima dan mencapai taraf bahasa ilmu. Namun

demikian terdapat juga responden mengakui bahawa bahasa Melayu itu juga telahpun mencapai taraf bahasa ilmu

Jadual 11
Bahasa Melayu mempunyai Ciri Bahasa Ilmu

Respons	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Ya	38	76.0
Tidak	2	4.0
Tidak pasti	9	18.0
Tidak tahu	1	2.0
Jumlah	50	100.0

Jadual di atas menunjukkan peratusan responden yang menyatakan bahawa Bahasa Melayu mempunyai ciri-ciri yang dikatakan sebagai bahasa ilmu. Hasil dapatan menunjukkan seramai 38 orang (76.0%) responden menyatakan bahawa Bahasa Melayu itu mempunyai ciri-ciri bahasa ilmu dan 18.0% lagi tidak pasti, sementara 4.0% pula mengatakan tidak dan hanya 2.0% sahaja tidak mengetahui bahasa Melayu itu mempunyai ciri-ciri yang dikatakan ataupun tidak. Maklumat ini menunjukkan bahawa responden yakin bahawa Bahasa Melayu itu mempunyai ciri-ciri yang dikatakan sebagai bahasa ilmu.

Jadual 12**Sikap Responden terhadap Kepentingan Bahasa Melayu**

Respons	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Amat penting	25	50.0
Penting	24	48.0
Kurang penting	1	2.0
Tidak penting	0	0
Jumlah	50	100.0

Jadual menunjukkan peratusan responden yang mempunyai sikap terhadap kepentingan Bahasa Melayu sebanyak 50.0% responden mengatakan bahawa Bahasa Melayu itu amat penting dalam konteks keilmuan. Seramai 24 orang (48.0%) lagi mengatakan penting juga dan hanya 2.0% sahaja mengatakan kurang penting. Maklumat tersebut menunjukkan bahawa jumlah responden yang mempunyai komitmen dan sikap mementingkan Bahasa Melayu adalah tinggi.

Jadual 13

Persetujuan Responden tentang Fungsi Bahasa Melayu hanya dalam Pentadbiran dan Bahasa Perpaduan

Respons	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat setuju	10	20.0
Setuju	12	24.0
Kurang setuju	20	40.0
Tidak setuju	8	16.0
Jumlah	50	100.0

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan persetujuan responden berhubung dengan fungsi Bahasa Melayu hanya sebagai bahasa pentadbiran dan bahasa perpaduan. Hasil dapatan didapati seramai 20 orang (40.0%) kurang bersetuju dengan fungsi bahasa Melayu tersebut. Seramai 12 orang (24.0%) lagi setuju sahaja dan 20.0% pula sangat bersetuju. Hanya 16.0% tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa responden tidak bersetuju tentang fungsi bahasa Melayu hanya untuk bahasa pentadbiran dan bahasa perpaduan.

Jadual 14

Adakah Bahasa Melayu Telah Mencapai Taraf Bahasa Ilmu?

Respons	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Ya	27	54.0
Tidak pasti	20	40.0
Tidak	2	4.0
Tidak tahu	1	2.0
Jumlah	50	100.0

Berdasarkan jadual di atas, hasil dapatan menunjukkan keyakinan pelajar bahawa Bahasa Melayu itu telah mencapai taraf bahasa ilmu. Daripada dapatan tersebut, 54.0% daripada responden menyatakan bersetuju bahawa bahasa Melayu telahpun mencapai taraf bahasa ilmu. Seramai 20 orang (40.0%) lagi menyatakan ketidakpastian bahawa bahasa Melayu itu telah mencapai taraf bahasa ilmu ataupun tidak. Hanya 4.0% sahaja menyatakan bahasa Melayu itu belum mencapai taraf bahasa ilmu. Sementara 2.0% lagi tidak mengetahui tentang perkembangan bahasa Melayu. Daripada maklumat tersebut, sememangnya Bahasa Melayu itu telah diakui telah mencapai taraf bahasa ilmu di kalangan pelajar atau bakal guru di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- c. mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keupayaan bahasa Melayu khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 15

Persetujuan Responden untuk Menguasai Bahasa Melayu sebagai Bahasa Utama

Respons	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Setuju	41	82.0
Kurang setuju	8	16.0
Tidak setuju	0	0
Tidak pasti	1	2.0
Jumlah	50	100.0

Jadual di atas menunjukkan persetujuan responden untuk menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa utama mereka. Hasil dapatan menunjukkan bahawa seramai 41 orang (82.0%) bersetuju untuk menguasai bahasa tersebut sebagai bahasa utama. Namun terdapat 16.0% lagi menunjukkan kurang bersetuju dan hanya 2.0% sahaja tidak pasti sama ada ingin menguasai bahasa Melayu dengan baik ataupun tidak. Daripada maklumat tersebut, didapati bahawa secara keseluruhannya purata responden yang ingin menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa utama mereka adalah tinggi.

Jadual 16

Respons Pelajar tentang Penguasaan Bahasa Melayu dalam Pelbagai Bidang Ilmu

Masa kini

Respons	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Ya	24	48.0
Kurang pasti	18	36.0
Tidak	8	16.0
Tidak mungkin	0	0
Jumlah	50	100.0

Jadual di atas menunjukkan respon pelajar terhadap penguasaan Bahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu masa kini. Jawapan responden mengatakan bersetuju ialah seramai 24 orang (48.0%). Seramai 18 orang (36.0%) kurang pasti hakikat bahasa Melayu telah menguasai pelbagai bidang ilmu masa kini. Sementara 16.0% lagi menyatakan tidak atau menjelaskan bahawa bahasa Melayu itu belum menguasai pelbagai bidang ilmu. Daripada maklumat tersebut, ternyata bahawa bahasa Melayu telahpun menguasai pelbagai bidang ilmu walaupun masih terdapat sebahagian bidang ilmu lain yang penggunaanya masih berada pada tahap yang rendah.

Jadual 17**Persaingan Bahasa Melayu dalam Bidang Sains dan Teknologi**

Respons	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat setuju	21	42.0
Setuju	23	46.0
Kurang setuju	4	8.0
Tidak setuju	2	4.0
Jumlah	50	100.0

Jadual menunjukkan persetujuan responden tentang persaingan yang dihadapi oleh bahasa Melayu dalam bidang sains dan teknologi. Dalam hal tersebut jumlah responden yang sangat bersetuju ialah sebanyak 21 orang (42.0%). Sementara yang bersetuju sahaja ialah 46.0%. Daripada jumlah tersebut, menunjukkan bahawa responden mengetahui hakikat bahawa bahasa Melayu memang menghadapi persaingan dalam bidang tersebut. Sebanyak 4.0% pula tidak bersetuju. Berdasarkan maklumat itu ternyata bahawa bahasa Melayu menghadapi persaingan kerana bahasa yang banyak digunakan adalah bahasa Inggeris.

Jadual 18

Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Pengajaran Sains dan Matematik

Meminggirkan Keupayaan Bahasa Melayu

Respons	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat setuju	12	24.0
Setuju	15	30.0
Kurang setuju	18	36.0
Tidak setuju	5	10.0
Jumlah	50	100.0

Jadual di atas menunjukkan bilangan responden yang membuat persetujuan bahawa pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris itu meminggirkan keupayaan bahasa Melayu dalam konteks keilmuan. Berdasarkan dapatan, didapati sebanyak 36.0% kurang bersetuju dengan kenyataan itu memandangkan terdapat sebab-sebab lain yang menyebabkan mereka kurang bersetuju. Sementara 30.0% lagi setuju dengan pelaksanaan itu meminggirkan keupayaan bahasa Melayu. Sebanyak 24.0% lagi sangat bersetuju kerana sememangnya mereka mengetahui keupayaan bahasa Melayu dalam menyampaikan kedua-dua bidang ilmu yang disebutkan dan hanya 10.0% tidak bersetuju. Daripada maklumat itu, menunjukkan bahawa responden mengakui bahawa terdapat kesan sampingan yang menyebabkan pelaksanaan tersebut.

Jadual 19**Kelebihan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pendidikan**

Kelebihan	Bilangan (orang)	Peratus (%)
<ul style="list-style-type: none"> • Telah diterima sebagai bahasa pengantar pendidikan • Mudah difahami • Bahasa kebangsaan • Bahasa ilmu 	8	16.0
<ul style="list-style-type: none"> • Mudah difahami • Bahasa kebangsaan • Bahasa ilmu 	1	2.0
<ul style="list-style-type: none"> • Telah diterima sebagai bahasa pengantar pendidikan • Bahasa kebangsaan 	1	2.0
<ul style="list-style-type: none"> • Telah diterima sebagai bahasa pengantar pendidikan • Mudah difahami 	1	2.0
<ul style="list-style-type: none"> • Mudah difahami • Bahasa ilmu 	1	2.0
<ul style="list-style-type: none"> • Telah diterima sebagai bahasa pengantar • Bahasa ilmu 	2	4.0
<ul style="list-style-type: none"> • Telah diterima sebagai bahasa pengantar pendidikan 	12	24.0
• Mudah difahami	14	28.0
• Bahasa ilmu	3	6.0
• Bahasa kebangsaan	7	14.0
Jumlah	50	100.0

Jadual 19 menunjukkan kelebihan Bahasa Melayu dalam pendidikan di negara ini. Hasil dapatan menunjukkan bahawa bahasa Melayu mudah difahami oleh masyarakat pelbagai kaum khususnya di negara ini. Seramai 14 orang (28.0%) menyatakan bahawa bahasa

Melayu mudah difahami. Sementara seramai 12 orang (24.0%) lagi menyatakan bahawa bahasa Melayu itu telah diterima sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan. Secara keseluruhannya didapati semua responden bersetuju bahawa bahasa Melayu mempunyai pelbagai kelebihan untuk digunakan sebagai bahasa utama dalam aspek mendapatkan ilmu pengetahuan. Daripada maklumat tersebut, membuktikan bahawa bahasa Melayu bukan sahaja dianggap sebagai bahasa pertuturan biasa di kalangan masyarakat berbilang kaum tetapi juga satu bahasa yang mempunyai kedudukan yang tinggi khususnya dalam bidang keilmuan.

Jadual 20

Bahasa yang Sesuai Digunakan dalam Pengajaran untuk Kursus yang Diikuti oleh Pelajar dalam Program Pendidikan Sains

Bahasa yang digunakan	Bilangan orang	Peratus (%)
Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda	1	10.0
Bahasa Inggeris	1	10.0
Bahasa Melayu	8	80.0
Bahasa Ibunda	0	0
Jumlah	10	100.0

Jadual di atas menunjukkan bilangan responden mengikut program yang menyatakan bahasa yang sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk kursus yang mereka ikuti. Sebanyak 10 responden daripada program Pendidikan Sains yang menjawab soal selidik. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 8 orang (80.0%) menyatakan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa yang sesuai untuk menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran. Sebanyak 10.0% pula menggunakan bahasa Inggeris dan juga peratusan yang sama menyatakan tiga bahasa yang boleh dan sesuai digunakan iaitu bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Ibunda. Kenyataan ini membuktikan bahawa mereka lebih senang menggunakan bahasa pengantar untuk tujuan tersebut.

Jadual 21

Bahasa yang Sesuai Digunakan dalam Pengajaran untuk Kursus yang Diikuti oleh

Pelajar dalam Program Pendidikan Seni

Bahasa yang digunakan	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	4	40.0
Bahasa Melayu	5	50.0
Bahasa Inggeris	1	10.0
Bahasa ibunda	0	0
Bahasa Mandarin	0	0
Jumlah	10	100.0

Jadual di atas juga menunjukkan bahasa yang sesuai digunakan untuk proses pengajaran mereka iaitu bagi program Seni. Daripada data yang diperoleh, didapati bahawa penggunaan bahasa Melayu lebih dominan untuk kursus mereka iaitu sebanyak 50.0% daripada 10 sampel dari program tersebut. Manakala penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebanyak 40.0% dan hanya 10.0% sahaja mengatakan menggunakan bahasa Inggeris. Daripada maklumat tersebut terdapat pro dan kontra terhadap penggunaan bahasa. Namun apa nyata pelajar masih bersetuju untuk menggunakan bahasa Melayu.

Jadual 22

Bahasa yang Sesuai Digunakan dalam Pengajaran untuk Kursus yang Diikuti oleh

Pelajar dalam Program Pendidikan Bahasa Melayu

Bahasa yang digunakan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Bahasa Melayu	9	90.0
Bahasa Inggeris	1	10.0
Bahasa Mandarin	0	0
Bahasa ibunda	0	0
Jumlah	10	100.0

Jadual seterusnya ialah menunjukkan penggunaan bahasa yang sesuai bagi program bahasa Melayu. Dapatan kajian menyatakan bahawa bahasa Melayu adalah yang paling sesuai. Menurut logiknya bahasa Melayu harus disampaikan juga dalam bahasa Melayu iaitu sebanyak 90.0% mereka pasti menggunakan bahasa Melayu. Namun demikian terdapat 10.0% daripada 10 orang responden mempunyai keinginan untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran tersebut. Maklumat tersebut membuktikan bahawa bahasa Melayu menjadi keutamaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 23

Bahasa yang Sesuai Digunakan dalam Pengajaran untuk Kursus yang Diikuti oleh Pelajar dalam Program Pendidikan Kesusasteraan Melayu

Bahasa yang digunakan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Bahasa Melayu	10	100.0
Bahasa Inggeris	0	0
Bahasa Mandarin	0	0
Bahasa ibunda	0	0
Jumlah	10	100.0

Jadual tersebut menunjukkan data yang diperoleh dari program Pendidikan Kesusasteraan Melayu tentang bahasa yang sesuai digunakan dalam kursus yang diikuti oleh mereka. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kesemua responden menyatakan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa yang paling sesuai memandangkan sastera sebahagian dari kajian linguistik. Daripada maklumat tersebut, pelajar memang yakin bahawa bahasa Melayu mampu menyampaikan disiplin ilmu tersebut.

Jadual 24

Bahasa yang Sesuai digunakan dalam Pengajaran untuk Kursus yang Diikuti oleh

Pelajar dalam Program Pendidikan Perniagaan

Bahasa yang digunakan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Bahasa Melayu	4	40.0
Bahasa Inggeris	6	60.0
Bahasa Mandarin	0	0
Bahasa ibunda	0	0
Jumlah	10	100.0

Jadual tersebut menunjukkan bahawa jumlah responden dari program perniagaan yang menyatakan bahasa yang sesuai digunakan untuk kursus mereka. Sebanyak 60.0% daripada responden menyatakan bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa yang sesuai digunakan dalam menyampaikan ilmu Pendidikan Perniagaan. Sementara 40.0% lagi bahasa Melayu juga sesuai digunakan. Maklumat menunjukkan bahawa responden cenderung untuk menggunakan bahasa Inggeris kerana mereka mungkin mempunyai alasan atau sebab-sebab tersendiri untuk menggunakan bahasa tersebut untuk kursus mereka.

Jadual 25

Usaha yang perlu dilakukan untuk Memartabatkan Bahasa Melayu dalam Konteks Pendidikan

Usaha	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Menggunakan Bahasa Melayu standard dan penggunaan dalam pelbagai bidang ilmu	11	22.0
Menggunakan Bahasa Melayu standard dan digunakan mengikut keperluan	2	4.0
Menggunakan Bahasa Melayu standard	11	22.0
Penggunaan dalam pelbagai bidang ilmu	25	50.0
Bahasa di sekolah sahaja	1	2.0
Jumlah	50	100.0

Jadual menunjukkan usaha yang perlu dalam memartabatkan dan mengembangkan Bahasa Melayu. Dalam usaha memartabatkan dan mengembangkan bahasa Melayu, dapatan menunjukkan bahawa 50.0% daripada responden menyatakan usaha tersebut boleh dilakukan dengan menggunakan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu. Terdapat juga 22.0% responden ingin menggunakan bahasa Melayu standard. Namun terdapat sebahagian kecil daripada responden menyatakan bahawa bahasa tersebut digunakan mengikut keperluan. Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa usaha tersebut dilakukan dengan menggunakan bahasa Melayu standard dan penggunaan dalam pelbagai bidang ilmu

Jadual 26**Faktor-Faktor Mempengaruhi Keupayaan Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran**

Faktor-faktor	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Guru tidak mementingkan kepentingan bahasa Melayu, kekurangan bahan, rujukan dan teks bahasa Melayu, perkembangan pendidikan dari sudut Sains dan Teknologi	1	2.0
Guru tidak mementingkan kepentingan bahasa Melayu dan kurang keyakinan dalam menggunakan bahasa Melayu	3	6.0
Kekurangan bahan, rujukan dan teks bahasa Melayu dan perkembangan dari sudut sains dan teknologi	2	4.0
Pelaksanaan bahasa Inggeris dalam pengajaran sains dan matematik	1	2.0
Guru tidak mementingkan kepentingan bahasa Melayu dan kekurangan bahan, rujukan dan teks	4	8.0
Pelaksanaan bahasa Inggeris dan perkembangan pendidikan dari sudut sains dan teknologi	10	20.0
Kekurangan bahan, rujukan dan teks bahasa Melayu dan pelaksanaan bahasa Inggeris dalam pengajaran sains dan matematik	2	4.0
Guru kurang keyakinan dalam menggunakan bahasa Melayu	4	8.0
Kekurangan bahan, rujukan dan teks bahasa Melayu	8	16.0
Perkembangan pendidikan dari sudut sains dan teknologi	11	22.0
Guru tidak mementingkan kepentingan bahasa Melayu	4	8.0
Jumlah	50	100.0

Jadual menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi keupayaan Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran. Daripada dapatan kajian, responden telah memberi pelbagai faktor yang mempengaruhi keupayaan bahasa Melayu. Seramai 11 orang (22.0%) menyatakan bahawa faktor hasil perkembangan pendidikan dari sudut sains dan teknologi sebagai faktor utama. Sebanyak 20.0% pula berkaitan dengan perkembangan dari sudut sains dan pelaksanaan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik. Namun berdasarkan data yang diperoleh rata-rata pelajar mengatakan guru-guru tidak mementingkan kepentingan bahasa Melayu, kurang keyakinan, kekurangan bahan dan kurangnya keyakinan untuk menggunakan bahasa Melayu. Berdasarkan maklumat tersebut menunjukkan faktor-faktor yang disebutkan mempunyai kesan yang tersendiri ke atas keupayaan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran untuk bidang ilmu lain.

BAB V

RUMUSAN

5.1 Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa Bahasa Melayu yang dikatakan sebagai bahasa ilmu itu memberi pelbagai persepsi di kalangan pelajar khususnya bakal guru di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kefahaman serta persetujuan mereka tentang bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu itu disambut baik. Hal ini dijelaskan melalui soal selidik yang telah dikemukakan. Berdasarkan dapatan kajian yang dibuat menunjukkan pelajar memberi respons positif tentang keupayaan bahasa Melayu sebagai dasar dalam mengungkapkan ilmu pengetahuan. Rata-rata pelajar memberi pandangan yang tersendiri tentang bahasa Melayu dan tidak kurang juga yang memberikan saranan yang bernas untuk tujuan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang diyakini mampu mengungkapkan pelbagai disiplin ilmu.

Walaupun terdapat pelajar yang masih ragu-ragu dengan kemampuan bahasa Melayu, namun mereka masih bersetu untuk menguasai dan menggunakan bahasa tersebut sebagai bahasa utama dalam sektor pendidikan masa kini. Bagi pelajar-pelajar dari program Pendidikan Sains, mereka lebih senang dan mudah untuk menyampaikan proses

pembelajaran dan pengajaran dalam bahasa Melayu walaupun tahun 2003 ini pelaksanaan menggunakan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran tersebut telahpun dimulakan. Namun bagi program perniagaan pula mereka lebih berminat untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Hal ini mungkin berlaku kerana diakui bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa perdagangan antarabangsa. Oleh yang demikian mereka yakin bahawa penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran ini lebih sesuai dibandingkan dengan penggunaan bahasa Melayu. Namun masih terdapat juga pelajar dari program tersebut yang ingin menggunakan bahasa Melayu kerana bahasa itu lebih mudah difahami oleh pelajar.

Sekiranya ditinjau secara terperinci tentang pandangan yang diberikan tidak dinafikan bahawa Bahasa Melayu itu ialah bahasa ilmu. Ini dibuktikan daripada hasil dapatan. Rata-rata pelajar menyedari akan kepentingan dan kedudukan Bahasa Melayu bukan sahaja dalam bidang pendidikan tetapi juga dalam bidang lain yang memerlukan bahasa Melayu perlu digunakan bagi mengembangkan bahasa tersebut sebagai bahasa antarabangsa. Dari sudut kefahaman pelajar, mereka jelas memahami bahasa Melayu yang dikatakan sebagai bahasa ilmu dan ciri-ciri sebuah bahasa ilmu itu. Ini kerana para pelajar memahami kedudukan bahasa Melayu itu dalam konteks keilmuan di negara ini.

5.2 Perbincangan

Berdasarkan analisis data dalam BAB IV, pengkaji dapat merumuskan beberapa dapatkan kajian yang bertujuan untuk melihat dan mendapatkan pandangan serta kefahaman pelajar

tentang Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tinjauan persepsi dan sikap pelajar diukur berdasarkan analisis data yang dibuat.

5.2.1 Jantina Sampel

Berdasarkan analisis data yang diperoleh, bilangan pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki daripada lima program yang berbeza. Bilangan pelajar perempuan yang ramai menunjukkan bahawa kekerapan dalam menjawab soal selidik yang disediakan lebih cenderung kepada perempuan. Selain itu, terdapat pelajar perempuan dalam program yang diikuti lebih ramai daripada pelajar lelaki. Namun demikian antara pelajar lelaki dan perempuan tiada jurang perbezaan yang ketara tentang persepsi mereka tentang bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu kerana mereka mempunyai bahasa komunikasi yang sama iaitu bahasa Melayu.

5.2.2 Bahasa Utama

Bahasa utama yang digunakan juga oleh semua pelajar dalam program yang disebutkan iaitu program Pendidikan Sains, program Pendidikan Bahasa Melayu, program Pendidikan Perniagaan, program Pendidikan Kesusastraan Melayu dan program Pendidikan Seni ialah bahasa Melayu. Walaupun sebahagian daripada mereka menggunakan bahasa lain selain bahasa Melayu namun keutamaan yang diberikan adalah bahasa Melayu. Ini kerana bahasa tersebut telah menjadi bahasa utama dalam pendidikan dan memang layaklah bahasa Melayu dikatakan sebagai bahasa ilmu kerana menjadi penggerak dalam mewujudkan hubungan antara pelbagai kaum serta keseragaman dalam aspek pendidikan. Memandangkan bahawa pelajar tersebut bakal menjadi pendidikan maka wajarlah mereka

menggunakan bahasa Melayu dan mengetahui selok-belok bahasa tersebut untuk memasuki bidang perguruan bagi mendidik anak bangsa berteraskan acuan dan budaya tersendiri.

5.2.3 Kefahaman Tentang Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu

Jika ditinjau pula dari sudut kefahaman pelajar tentang bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, didapati bahawa tahap pemahaman pelajar adalah hampir sama. Sekiranya terdapat perbezaan sekalipun, tidak terlalu berbeza iaitu bahasa Melayu masih mendukung fungsinya sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar dalam pendidikan. Contohnya rata-rata pelajar menyatakan bahawa bahasa Melayu itu sebagai bahasa ilmu kerana bahasa Melayu itu telah menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan serta bahasa pengantar dalam pendidikan di negara ini. Ini kerana bahasa ilmu adalah bahasa yang perlu digunakan dalam menyampaikan pelbagai bidang ilmu yang ingin diketahui. Walaupun terdapat kemungkinan bahawa bahasa ilmu itu lebih banyak memainkan peranan dalam sistem pentadbiran namun hakikatnya ialah bahasa tersebut digunakan sebagai saluran utama untuk menyampaikan segala bentuk ilmu pada zaman moden ini. Daripada data yang telah diperoleh ialah secara keseluruhannya pelajar mengetahui ciri-ciri bahasa ilmu. Berdasarkan hasil dapatan ciri bahasa ilmu yang utama ialah bahasa tersebut mestilah bahasa yang dapat mengungkapkan pelbagai ilmu baik dalam bidang bahasa atau linguistik mahupun bidang ilmu lain yang memerlukan bahasa sebagai bahasa pengantar ilmu tersebut.

Abdullah Hassan (1997:45) menyatakan bahawa ternyata bahasa Melayu ilmiah ini adalah satu bahasa yang mempunyai ciri-ciri tersendiri. Kosa katanya menjadi lebih banyak

dan khusus, struktur fonologinya telah mula menerima unsur-unsur baru, struktur morfologinya juga menjadi kompleks dan ada imbuhan asing yang sudah mempengaruhi pembentukan kata bahasa Melayu dan banyak lagi aspek yang sudah menjadi lebih lazim. Dalam semua hal ternyata bahawa penggunaan bahasa ini menjadi lebih lancar. Dapat dikatakan bahawa penggunaan bahasa Melayu untuk bidang sains sosial dan kemanusiaan telah menjadi lebih berkesan.

5.2.4 Sikap Terhadap Kepentingan Bahasa Melayu

Sekiranya ditinjau dari sudut sikap pelajar terhadap kepentingan Bahasa Melayu bagi kelima-lima program yang disebutkan, pengkaji mendapati bahawa keseluruhan pelajar mengatakan bahawa, Bahasa Melayu itu amat penting. Walaupun ada sebahagian kecil mengatakan bahasa Melayu itu tidak penting namun tidak memberi perbezaan yang ketara berbanding dengan pelajar yang merasakan bahawa betapa pentingnya bahasa tersebut dari konteks keilmuan. Ini kerana jika dilihat dari sudut sejarah memang bahasa Melayu telah menjadi bahasa lingua franca pada zaman Kesultanan Melayu Melaka iaitu sekitar tahun 1356 dengan penemuan batu-batu bersurat. Hal ini membuktikan bahawa bahasa Melayu telah bertindak sebagai satu bahasa yang mampu menjadi bahasa yang universal.

Seperti kata-kata Ahmat Adam (1994:132-133) pernyataan ini bukan bertujuan untuk meremehkan kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa penyaluran ilmu-ilmu tetapi ini bukanlah bermaksud untuk menyalahkan dasar ingin membentuk suatu masyarakat Malaysia yang menguasai dua bahasa. Demi kepentingan persatuan bangsa,

bahasa pertama haruslah bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Bahasa-bahasa daerah dan bahasa suku harus dianggap sebagai bahasa tambahan.

5.2.5 Kelebihan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pendidikan

Hasil tinjauan yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap bakal guru di universiti ini, mendapati bahawa terdapat kelebihan penggunaan bahasa Melayu dalam pendidikan. Ini diakui sendiri oleh bakal guru. Hal tersebut dinyatakan dengan kelebihannya seperti mudah difahami, telah diterima sebagai bahasa pengantar pendidikan dan sebagai bahasa kebangsaan. Kenyataan ini memperlihatkan bahawa bahasa Melayu itu ada kelebihan tersendiri bukan sahaja sebagai bahasa ilmu yang berfungsi sebagai bahasa akademik mahupun bahasa menyampaikan pelbagai disiplin ilmu tetapi juga merujuk kepada bahasa yang bersifat universal. Dalam hal ini, maka jelaslah bahawa bahasa Melayu itu adalah bahasa ilmu kerana ia menjalankan pelbagai fungsi yang melibatkan kegiatan di luar konteks pendidikan di negara ini.

5.2.6 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Keupayaan Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Berdasarkan soal selidik yang diberikan, pengkaji mendapati terdapat faktor-faktor yang dominan terhadap persepsi bakal guru terhadap keupayaan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran. Perkembangan pendidikan dari sudut Sains dan Teknologi merupakan faktor utama yang menyebabkan bahasa Melayu tidak dapat bersaing dengan bahasa lain yang dianggap lebih berpengaruh. Ini kerana, kebanyakan bidang ilmu sains

dan teknologi masih dipelopori oleh bahasa Inggeris di negara kita. Kekurangan istilah dalam bidang tersebut menyebabkan bahasa Melayu tidak dapat digunakan secara meluas.

Selain itu, kekurangan bahan, rujukan dan buku teks Bahasa Melayu juga menjadi faktor yang mempengaruhi keupayaan bahasa tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini berlaku kerana guru-guru lebih tertumpu kepada bahan-bahan atau rujukan lain yang lebih banyak menggunakan bahasa asing. Faktor tersebut memungkinkan bahasa Melayu kekurangan fungsinya sebagai bahasa ilmu di kalangan guru dan persepsi negatif pelajar terhadap bahasa Melayu kerana tidak mampu mengungkapkan ilmu dengan berkesan. Namun demikian, terdapat pelbagai faktor lain yang mempengaruhi keupayaan bahasa Melayu dalam pengajaran seperti sikap guru sendiri yang kurang mementingkan kepentingan bahasa Melayu, kurang keyakinan juga kesan dari pelaksanaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik.

5.3 Implikasi Kajian

Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh oleh pengkaji terdapat beberapa implikasi berhubung dengan manfaat kajian terhadap bidang pendidikan yang timbul daripada dapatan. Daripada tajuk perbincangan yang dikemukakan ternyata memberi manfaat kepada bidang keilmuan khususnya dalam mencapai gagasan memartabatkan bahasa dan budaya mengikut acuan sendiri. Hasil dapatan membuktikan bahawa bakal guru memahami dan menitikberatkan penggunaan Bahasa Melayu agar bahasa tersebut layak dan dapat bersaing

seperti bahasa lain di peringkat antarabangsa serta digunakan untuk mengungkap pelbagai disiplin ilmu.

Kajian ini juga memberi ruang kepada bakal guru di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk melihat kembali perubahan paradigma pendidikan masa kini terutamanya dalam aspek penggunaan bahasa. Ini kerana bahasa yang digunakan khususnya Bahasa Melayu mengalami persaingan hebat sebagai bahasa ilmu pada zaman ini. Guru-guru tidak menyedari hal tersebut, kemungkinan besar proses penyampaian ilmu yang lebih berkesan tidak akan tercapai. Ini kerana penggunaan sesuatu bahasa bergantung kepada sikap serta penguasaan seorang pendidik serta kesesuaian bahasa yang digunakan untuk semua disiplin ilmu.

Selain itu, bakal guru haruslah memainkan peranan untuk memberi sokongan dalam menggunakan bahasa tersebut dengan betul kerana sesuatu bahasa yang dianggap sebagai bahasa ilmu adalah bahasa yang mampu digunakan oleh pendidik dengan cara yang berkesan ketika proses pengajaran dan pembelajaran.

5.4 Cadangan Kajian Lanjut.

Penyelidikan bentuk soal selidik ini dijalankan dengan beberapa batasan. Dengan itu, sudah pasti terdapat beberapa kekurangan. Berdasarkan kekurangan-kekurangan dalam penyelidikan ini, dikemukakan beberapa cadangan untuk dijadikan pertimbangan bagi

kajian yang selanjutnya. Antara perkara yang perlu diberi perhatian ialah dari aspek masa penyelidikan, pemilihan sampel, bidang soalan dan lokasi kajian.

5.5 Cadangan

Penyelidikan mengenai bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu ini wajar diteruskan kerana ia merupakan satu bidang bahasa yang penting dan kini mengalami persaingan dalam bentuk ilmu moden. Justeru, tentu terdapat beberapa masalah dan kekurangan yang perlu dibaiki dari semasa ke semasa supaya bahasa ini benar-benar menjadi bahasa ilmu yang diyakini oleh masyarakat khususnya pendidik di negara ini. Penyelidikan perlulah sentiasa dilakukan untuk menjamin martabat dan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa yang paling dominan khususnya dalam pendidikan. Melalui kajian ini pengkaji akan menghuraikan beberapa cadangan kepada semua pihak untuk memastikan kejayaan bahasa Melayu dalam bidang keilmuan.

1. Peranan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan membuat pelbagai terjemahan baru dengan lebih cepat dan menepati keperluan bahasa Melayu dalam bidang ilmu lain supaya tidak bergantung kepada bahasa asing. Begitu juga dengan bahan, rujukan dan teks dalam bahasa Melayu perlu dipertingkatkan dari segi kualiti dan kuantitinya.

2. Masyarakat atau pengguna bahasa haruslah mempraktikkan dan mengagungkan bahasa Melayu mengikut ketertiban supaya bahasa tersebut bukan hanya dipandang sebagai bahasa harian tetapi juga bahasa ilmu yang mempunyai nilai.
3. Penggunaan Bahasa Melayu dalam bidang pendidikan adalah satu cara untuk mencapai tahap yang lebih tinggi setaraf dengan bahasa yang lain seperti bahasa Inggeris. Tindakan ini wajar dilakukan oleh guru-guru untuk mengembalikan kegemilangan bahasa Melayu dengan menggunakan sepenuhnya dalam menyalurkan pelbagai disiplin ilmu.
4. Guru juga adalah golongan pakar dan wajar bertindak sebagai penyelidik dengan mengemukakan masalah atau kelemahan yang mereka alami ketika di bilik darjah. Ini dilihat dari sudut keberkesanan penyampaian ilmu melalui bahasa Melayu serta bahan atau rujukan bahasa Melayu mampu menangani masalah istilah atau ilmu-ilmu yang diperkatakan.
5. Bakal guru perlu memupuk kepentingan bahasa Melayu khususnya kepada pelajar bukan Melayu. Ini kerana dasar kemerdekaan dan perpaduan adalah melalui bahasa Melayu. Hal ini sudah tentu akan memberi persepsi yang baik khususnya golongan pelajar dari pelbagai kaum terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Melihat kepada kepentingan bahasa ini, semua pihak sudah tentu akan berusaha untuk merealisasikan setiap objektif yang telah digariskan pada peringkat kebangsaan iaitu

pengiktirafan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, bahasa pengantar, dan bahasa ilmu. Penggunaan bahasa di negara ini menggambarkan bahawa nilai bahasa itu terletak pada satu kelompok masyarakat itu sendiri untuk menentukan hala tuju satu-satu bahasa yang dipilih. Begitu juga dalam bahasa Melayu sendiri, setelah bahasa itu mengalami beberapa perubahan sehinggalah mencapai bahasa yang standard di negara ini membolehkan semua lapisan masyarakat dapat menuturkan bahasa tersebut dengan baik.

Melalui usaha-usaha penyelidikan yang dijalankan diharapkan semua pihak haruslah menjalankan peranan masing-masing. Memartabatkan dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, dijangka membolehkan semua bakal guru dapat menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa yang berpengaruh dan berkesan. Juga diharapkan dengan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu ini dapat memberikan sesuatu yang nyata kepada semua pihak akan keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam pelbagai bidang ilmu.

Justeru, usaha pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, para cendekiawan, ahli bahasa dan guru-guru tidaklah menjadi sia-sia. Ini kerana dengan didikan yang diberikan memberikan persepsi positif terhadap pelajar akan kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

4.4 Pengujian Hipotesis

Pengujian hipotesis merupakan satu proses untuk membuat inferens dari bukti-bukti yang terkandung di dalam sampel tentang penerimaan atau penolakan sesuatu parameter populasi. Pengujian hipotesis merujuk kepada ujian berstatistik terhadap hipotesis kosong (H_0). Ini kerana hanya H_0 sahaja yang boleh diuji secara berstatistik. H_0 adalah saranan sementara yang mengandungi unsur peluang iaitu unsur yang disebabkan oleh ralat persampelan. Oleh kerana ralat persampel boleh dianggar dengan statistik ralat piawai bagi min, maka hanya H_0 yang boleh diuji secara statistik (Mohd. Majid Konting 2000: 409-410). Oleh yang demikian, hipotesis hendaklah dibentuk sebelum sesuatu data dicerap. Dalam penyelidikan H_0 akan wujud bersama-sama H_a . H_a dibentuk serentak dengan H_0 kerana bertujuan untuk diterima sekiranya H_0 diketepikan.

Dalam hal ini, bagi membuat pengujian terhadap hipotesis, pengkaji telah membuat hipotesis kajian terlebih awal untuk dibuat pengujian sama ada hipotesis kosong (H_0) yang disarankan diterima atau ditolak. Justeru itu, bagi membuat pengujian hipotesis tersebut pengkaji telah menggunakan analisis berstatistik inferensi, iaitu menguji menggunakan ujian-T pada aras keertian 0.05. Di sinilah pengkaji dapat melihat sama ada hipotesis yang disarankan pada awalnya signifikan atau sebaliknya. Sekiranya aras < 0.05 hipotesis yang disarankan akan ditolak dan digantikan dengan hipotesis baru iaitu hipotesis alternatif (H_a), tetapi sebaliknya pula apabila aras > 0.05 hipotesis kosong tadi akan diterima dan H_a tersebut tidak akan dimasukkan atau diambil.

Ujian-T 1: Tiada Perbezaan yang signifikan antara latar belakang pelajar dengan keupayaan Bahasa Melayu

T-Test

Paired Samples Statistics

		Mean	N	Std. Deviation	Std. Error Mean
Pair 1	KELAYAKA	2.5800	50	.85928	.12152
	SOALAN12	2.5000	50	1.01519	.14357

Paired Samples Correlations

	N	Correlation	Sig.
Pair 1	KELAYAKA & SOALAN12	50	.901

Paired Samples Test

	Paired Differences					t	df	Sig. (2-tailed)			
	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean	95% Confidence Interval of the Difference							
				Lower	Upper						
Pair 1	KELAYAKA - SOALAN12	.0800	.44447	.06286	-.0463	.2063	1.273	.49	.209		

Ujian T-2: Tiada perbezaan yang signifikan antara penguasaan Bahasa Melayu pelajar dengan konteks bahasa ilmu

T-Test

Paired Samples Statistics

	Mean	N	Std. Deviation	Std. Error Mean
Pair 1 KEPUTUSA	1.7600	50	.79693	.11270
SOALAN9	4.0000	50	1.26168	.17843

Paired Samples Correlations

	N	Correlation	Sig.
Pair 1 KEPUTUSA & SOALAN9	50	.832	.000

Paired Samples Test

	Paired Differences					t	df	Sig. (2-tailed)			
	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean	95% Confidence Interval of the Difference							
				Lower	Upper						
Pair 1 KEPUTUSA - SOALAN9	-2.2400	.74396	.10521	-2.4514	-2.0286	-21.291	49	.000			

Ujian T-3: Tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan perempuan dalam pembelajaran dan pemahaman bahasa Melayu

T-Test

Paired Samples Statistics

	Mean	N	Std. Deviation	Std. Error Mean
Pair 1	JANTINA	1.6000	50	.49487
	SOALAN10	1.4600	50	.86213
				.12192

Paired Samples Correlations

	N	Correlation	Sig.
Pair 1	JANTINA & SOALAN10	50	.440
			.001

Paired Samples Test

	Paired Differences					t	df	Sig. (2-tailed)			
	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean	95% Confidence Interval of the Difference							
				Lower	Upper						
Pair 1	JANTINA - SOALAN10	.1400	.78272	.11069	-.0824	.3624	1.265	.212			

Descriptives

Descriptive Statistics

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
JANTINA	50	1.00	2.00	1.6000	.49487
PROGRAM	50	1.00	5.00	3.0000	1.42857
KELAYAKA	50	1.00	4.00	2.5800	.85928
KEPUTUSA	50	1.00	4.00	1.7600	.79693
BANGSA	50	1.00	4.00	1.9600	1.00934
BAHASA	50	1.00	5.00	1.8200	1.45251
Valid N (listwise)	50				

Descriptives**Descriptive Statistics**

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
SOALAN9	50	1.00	6.00	4.0000	1.26168
SOALAN10	50	1.00	4.00	1.4600	.86213
SOALAN11	50	1.00	3.00	1.5200	.54361
SOALAN12	50	1.00	4.00	2.5000	1.01519
SOALAN13	50	1.00	4.00	1.5400	.67643
SOALAN14	50	1.00	3.00	1.2000	.45175
SOALAN15	50	1.00	3.00	1.6800	.74066
SOALAN16	50	1.00	4.00	1.7400	.77749
SOALAN17	50	1.00	4.00	2.3200	.95704
Valid N (listwise)	50				

Jadual 27

Pengujian Hipotesis 1: Tiada perbezaan yang signifikan antara latar belakang pelajar dengan keupayaan Bahasa Melayu.

Ujian-T ke atas latar belakang dan keupayaan Bahasa Melayu

	Min	Sisihan Piawai	T	Darjah Kebebasan	Signifikan
Min latar belakang & min keupayaan bahasa Melayu	.0800	.44447	1.273	49	.209

Jadual di atas menunjukkan hasil ujian-T tentang latar belakang pelajar dan keupayaan bahasa Melayu. Data tersebut, menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap keupayaan bahasa Melayu dengan latar belakang pelajar. Statistik pada jadual menunjukkan bahawa aras keertian lebih dari 0.05 iaitu signifikannya ialah .209 di mana nilai t ialah 1.273 manakala darjah kebebasan ialah 49. Jelaslah bahawa ujian ini tiada perbezaan yang signifikan tentang apa yang disebutkan. Oleh itu, H_0 yang disarankan telah diterima. Ini kerana faktor latar belakang pelajar tidak mempengaruhi keupayaan bahasa Melayu khususnya dalam konteks bahasa ilmu.

Jadual 28

Pengujian Hipotesis 2: Tiada perbezaan yang signifikan antara penguasaan Bahasa

Melayu pelajar dengan konteks bahasa ilmu.

Ujian-T ke atas penguasaan Bahasa Melayu pelajar dalam konteks bahasa ilmu

	Min	Sisihan Piawai	Darjah kebebasan	T	Signifikan
Min penguasaan & min konteks bahasa ilmu	-2.2400	.74396	.0	-2.0286	.000

Jadual di atas menunjukkan hasil ujian-T tentang penguasaan bahasa Melayu pelajar dan konteks bahasa ilmu. Data tersebut, menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan bahasa Melayu pelajar dengan konteks bahasa ilmu. Statistik pada jadual dapat ditunjukkan bahawa aras keertian kurang dari 0.05 iaitu signifikannya ialah .000 di mana nilai t ialah -2.0286 manakala darjah kebebasan ialah .0. Oleh itu, H_0 yang disarankan pada awal kajian ditolak dan digantikan dengan hipotesis alternatif (H_a). Ini kerana faktor penguasaan bahasa Melayu pelajar mempengaruhi persepsi pelajar dalam konteks bahasa ilmu.

Jadual 29

Pengujian Hipotesis 3: Tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan perempuan dalam pembelajaran dan pemahaman bahasa Melayu

Ujian-T ke atas pelajar lelaki dan perempuan dalam pembelajaran dan pemahaman Bahasa Melayu

	Min	Sisihan piawai	T	Darjah kebebasan	signifikan
Min pelajar lelaki dan perempuan & min pembelajaran dan pemahaman	.1400	.78272	1.265	49	.212

Jadual di atas menunjukkan hasil ujian-T tentang pelajar lelaki dan perempuan dalam pembelajaran dan pemahaman bahasa Melayu menunjukkan tiada perbezaan signifikan tentang pemahaman bahasa Melayu. Statistik pada jadual menunjukkan bahawa aras keertian lebih dari 0.05 iaitu signifikannya menunjukkan .212 di mana nilai t ialah 1.265 manakala darjah kebebasan ialah 49. Jelaslah bahawa tiada terdapat perbezaan signifikan antara pelajar lelaki dengan perempuan dalam pembelajaran dan pemahaman bahasa Melayu. Oleh itu, H_0 yang disarankan pada awal kajian diterima. Ini kerana faktor jantina tidak mempengaruhi dalam pembelajaran dan pemahaman bahasa Melayu.

LAMPIRAN B

DATA STATISTIK

Descriptives

Descriptive Statistics

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
JANTINA	50	1.00	2.00	1.6000	.49487
PROGRAM	50	1.00	5.00	3.0000	1.42857
KELAYAKA	50	1.00	4.00	2.5800	.85928
KEPUTUSA	50	1.00	4.00	1.7600	.79693
BANGSA	50	1.00	4.00	1.9600	1.00934
BAHASA	50	1.00	5.00	1.8200	1.45251
Valid N (listwise)	50				

Descriptives

Descriptive Statistics

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
SOALAN9	50	1.00	6.00	4.0000	1.26168
SOALAN10	50	1.00	4.00	1.4600	.86213
SOALAN11	50	1.00	3.00	1.5200	.54361
SOALAN12	50	1.00	4.00	2.5000	1.01519
SOALAN13	50	1.00	4.00	1.5400	.67643
SOALAN14	50	1.00	3.00	1.2000	.45175
SOALAN15	50	1.00	3.00	1.6800	.74066
SOALAN16	50	1.00	4.00	1.7400	.77749
SOALAN17	50	1.00	4.00	2.3200	.95704
Valid N (listwise)	50				

SENARAI RUJUKAN

- Ahmat Adam (1993). *Isu bahasa dan pembentukan bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andi Hakim Nasoetion (1993). *Di sekitar persoalan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan (1995). *Ceritera bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan (1996). “ Perancangan Bahasa” dlm. *Dewan Bahasa* 40:8, hal.689.
- Abdullah Hassan (1997). *Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan ese-i-esei lain*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdul Hamid Mahmood (1996). “Kemampuan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Akademik” dlm. *Dewan Bahasa*, 40 (8):715.
- Abdul Hamid Mahmood (2001). *Menguasai Bahasa Melayu tinggi*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- A.Aziz Deraman (2002). “Bahasa Asas Pembinaan Tamadun Bangsa” dlm. *Dewan Bahasa*, 2 (1):26-35
- Asim Gurnawan (2001). “Kedudukan dan Fungsi Bahasa Asing dalam Era Globalisasi” dlm. *Dewan Bahasa*, 1(1):20-25.
- Asmah Hj. Omar (1992). *Kajian Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar (1993). *Perancangan bahasa dengan rujukan khusus kepada perancangan bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Hj. Omar (1993). *Kumpulan karangan daripada DBP di sekitar persoalan Bahasa Melayu 1957-1972*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Shukor Abdullah (1999). “ Bahasa dalam Pendidikan” dlm. *Dewan Bahasa*, 40(8):689

Chai Loon Guan (1998). “ Ciri-Ciri Guru Bahasa Melayu” dlm. *Dewan Bahasa*, 42 (5):455

Darwis Harahap (1989). *Peristiwa Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hassan Ahmad (2001). “Bahasa Melayu Sebagai Penjana Tamadun Ilmu di Rantau Berbahasa Melayu” dlm. *Dewan Bahasa*, 1 (5):12-20.

Hassan Ahmad (2002). “Memartabatkan Penerbitan Berbahasa Melayu dalam Alaf Baru” dlm. *Dewan Bahasa*, 2 (5):33

Isahak Haron (2002). “Analisis Penggunaan Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia” dlm. *Dewan Bahasa*, 2 (1):56-63

Mangantar Simanjuntak (1995). “Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu” dlm. *Dewan Bahasa*, 39 (9):795.

Mohd. Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Mansor Hj. Salleh (2002). “Memperkaya Penerbitan Bahasa Melayu Melalui Terjemahan dan Adaptasi” dlm. *Dewan Bahasa*, 2 (5):11.

Mohd. Tajudin Abdul Rahman (1996). “Kontrak Sosial ke Arah Meningkatkan Martabat Bahasa Melayu” dlm. *Dewan Bahasa* 40:8, hal.704.

Nik Safiah Karim (1986). *Bahasa Melayu tinggi teori dan penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan pustaka.

Nik Safiah Karim (1987). “Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu” dlm. *Dewan Budaya*, 40 (8):704.

Nik Safiah Karim (1992). *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nawi Ismail (1997). “Matlamat Pendidikan Bahasa Melayu Peringkat Sekolah Menengah dlm. *Dewan Budaya*, 41 (8):691.

Norizzan Razali (2001). “Bahasa Melayu dalam K-Ekonomi” dlm. *Dewan Bahasa*, 2 (5):7-11

Internet:

<http://dbp.gov.my/dbp98/mjlh/bhs22/sep/b9isu-isu.html>.

<http://membersite.namezero.com/>

<http://dbp.gov.my/dbp98/mjlh/bhs21/mei/j05fox2.html>.